**RTB Sg. Pinang, segera salur dana**

MS 5



**Pasar Chowrasta siap dinaik taraf**

MS 23



PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

16 – 31 JANUARI, 2017

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Menang Puskas, Faiz terima imbuhan RM50,000

*Bola sepak permainan berpasukan, dan bukannya bergantung kepada saya seorang – Mohd. Faiz*

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI & AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BAYAN LEPAS** – Kerajaan Negeri menyumbangkan imbuhan RM50,000 sebagai hadiah istimewa kepada pemenang Anugerah Puskas Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), Mohd. Faiz Subri.

**Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, imbuhan tersebut adalah sumbangan khas Kerajaan Negeri kepada penyerang Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang tersebut yang berjaya mencipta sejarah sebagai pemain Asia pertama menerima anugerah berkaitan.**

**"Apatah lagi, (Mohd.) Faiz pemain Malaysia dan yang paling utama ialah dari Pulau Pinang.**

**"Saya percaya, kejayaan yang dicapai beliau boleh dicontohi dan diteladani khususnya oleh anak-anak muda. (Dan) untuk menempa kejayaan seperti (Mohd.) Faiz, tiada jalan pintas, beliau telah berusaha keras, rajin dan berdisiplin.**

**"Kejayaan (Mohd.) Faiz bukan sahaja mengharumkan nama Pulau Pinang, malah turut mengharumkan nama Malaysia... belum ada pemain Malaysia yang berada di pentas antarabangsa dan ditontoni serata dunia,"** katanya ketika menyambut kepulangan Mohd. Faiz di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) di sini, 11 Januari lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Presiden Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff; Naib Presiden FAP, Datuk Gary Nair dan Pengurus Pasukan Pulau Pinang merangkap Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

Turut bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ialah bapa wira tersebut, Subri Kadir, 65, dan ibu, Sa'adiah Ishak, 55. Menemani Faiz ialah isterinya, Nor Zawanis Hashim bersama-sama dua anak lelakinya. Turut kelihatan adalah hampir 500 penyokong setia skuad Harimau Kumbang.

Sebelum ini, Mohd. Faiz pernah menerima insentif berjumlah RM10,000 daripada Kerajaan Negeri hasil jaringan luar biasa berkaitan.

Gol ajaib sentuhan penyerang Pulau Pinang itu yang disifatkan 'melanggar hukum fizik' ketika perlawanan menentang Pahang dalam saingan Liga Super di Stadium Bandaraya Pulau Pinang pada 16 Februari tahun lalu menjadi viral di media sosial sekaligus membolehkan beliau tercalon dan seterusnya merangkul anugerah berprestij dunia dalam arena bola sepak.

Anugerah tersebut sekaligus menobatkan jaringan beliau sebagai 'Gol Paling Cantik' sepanjang tahun 2016, mengetepikan dua finalis lain iaitu Johnath Marlone Azevedo da Silva dari Brazil dan pemain wanita dari Venezuela, Daniuska Rodriguez. Keputusan tersebut diumumkan pada awal pagi 10 Januari lalu di Switzerland.



**KETUA Menteri, Zairil Khir Johari (kiri sekali), Dr. Afif Bahardin (berbaju hitam) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar bersama Mohd. Faiz Subri sambil memegang piala Puskas dimenangi beliau di PIA di sini baru-baru ini.**

## REAKSI MOHD. FAIZ:

"Saya merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada rakyat Malaysia, yang tidak henti-henti menyokong serta mengundi saya selama ini.

"Selepas ini, rutin latihan akan bermula seperti biasa, saya akan tumpukan kepada latihan bagi menghadapi saingan Liga Super 2017.

"Saya akan terus bekerja keras untuk menjaringkan gol selepas ini. Namun harus diingat, bola sepak adalah permainan berpasukan dan bukannya bergantung kepada saya seorang, yang penting kita perlu menang," katanya.

**SOKONGAN KELUARGA**

Bagi Sa'adiah, beliau teruja, bangga dan bersyukur dengan pencapaian Mohd. Faiz.

"Saya tidak pernah mimpi anak saya akan mengecapi kegemilangan ke tahap ini. Sebagai ibu, semestinya berbangga kerana sejak kecil memang benda ini (bola sepak) yang dia selalu 'pulun' (bersungguh-sungguh) pun.

"Sejak umur tiga tahun, dia (Mohd. Faiz) selalu main bola dengan datuknya dan mulakan karier mewakili sekolah sejak darjah tiga sehingga pernah mewakili pasukan kebangsaan," ujarnya kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.

**SOKONGAN PEMINAT**

Bagi peminat pasukan Harimau Kumbang, **ZAMZURI IBRAHIM**, 31, beliau gembira kerana turut menjadi sebahagian daripada sejarah apabila melihat sendiri jaringan Mohd. Faiz di Stadium Bandaraya ketika menentang pasukan Pahang, 16 Februari 2016.

"Kemenangan Mohd. Faiz sepatutnya diraikan dan bukan dicemuh atas isu-isu remeh.

"Kejayaan ini lazimnya bukan kejayaan individu, sebaliknya kejayaan semua termasuk negara Malaysia," katanya.

Pendapat sama turut diluahkan **FAKHRUL SYAKIRIN**, 21.

# Pendidikan awal penting bentuk psikologi, intelektual kanak-kanak

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan penting dalam membentuk personaliti kendiri seawal usia satu tahun.

Isteri kepada Yang di-Pertua Negeri, Toh Puan Majimor Shariff berkata, pendedahan terhadap pendidikan awal kanak-kanak juga penting dalam membentuk modal insan yang mampu bersaing di peringkat global.

"Persaingan, dewasa ini wujud bukan lagi bersifat tempatan, sebaliknya lebih bersifat global.

"Justeru, semua pihak termasuk ibu bapa haruslah menggembeleng tenaga dan minda secara menyeluruh bagi melahirkan modal insan yang bukan sahaja mampu bersaing di peringkat global, malah juga mempunyai kapasiti individu pada masa hadapan.

"Pendidikan awal yang berkualiti mampu memberi dimensi baru dalam merangsang perkembangan psikologi dan intelektual anak-anak kita.

"Sungguhpun bukan senang untuk memupuk budaya ilmu dalam kalangan masyarakat, namun, pendidikan awal kanak-kanak memerlukan pendekatan baharu agar ia terus memberi manfaat kepada generasi akan datang," ucapnya pada Majlis Perasmian Seminar Pedagogi Awal Kanak-Kanak dekat sini baru-baru ini.

Turut berucap, Timbalan Pengerusi Lembaga Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP), Datuk Dr. Mujahid Yusoff.

Hadir sama, Pegawai Kewangan Negeri, Sarul Bahiyah Abu; Pengerusi Persatuan Suri & Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Pulau Pinang, Datin Seri Ir. Hamidah Mat Daud dan Pengarah PPAPP, Sharimah Salleh.

Bertemakan 'Menelusuri Sanubari Menjana Karisma', seminar selama tiga hari itu juga diserikan dengan pelbagai slot perkongsian ilmiah termasuk tips-tips berguna daripada pakar-pakar yang berpengalaman.



**KEHADIRAN Majimor Shariff (tengah) ke Majlis Perasmian Seminar Pedagogi Awal Kanak-Kanak disambut oleh pelajar-pelajar dari Tadika The Whyte House, Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.**

---

# P. Pinang No. 2 terbaik di dunia, berita baik mulakan tahun baru untuk pelancongan - KM

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang tersenarai di tangga kedua dalam *CNN.com* sebagai antara 17 Lokasi Terbaik Untuk Dilawati bagi Tahun 2017.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkannya berkata, penyenaraian di tangga kedua daripada 17 buah destinasi terpilih merupakan berita baik buat negeri Pulau Pinang untuk memulakan tahun baru 2017.

"Kerajaan Negeri telah mempelbagaikan usaha dan komitmen untuk membangunkan sektor pelancongan supaya kita (Pulau Pinang) dapat menambah sumber ekonomi baru bukan sahaja kepada negeri, malah rakyat Pulau Pinang.

"(Dan) usaha ini terbukti apabila *CNN.com* menyenaraikan Pulau Pinang di tangga kedua dari 17 lokasi terbaik (di dunia) yang perlu dilawati bagi tahun 2017," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, selain dikenali sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang turut terkenal dengan pelbagai tarikan dan tempat-tempat menarik untuk dilawati antaranya, pusat peranginan Bukit Bendera dan Kompleks Tun Abdul Razak atau Komtar.

"Ini (penyenaraian) merupakan berita baik untuk mulakan tahun baru 2017 terutamanya dalam industri pelancongan negeri.

"Begitu juga sektor-sektor lain seperti pelancongan perubatan dan MICE (Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran) yang merupakan sektor penting dan utama," ujarnya.

Dalam pada itu, Guan Eng turut menzahirkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Menteri Pelancongan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz yang sama-sama membantu mempromosikan pelancongan bukan sahaja di Malaysia malah, Pulau Pinang.

Dalam artikel 6 Januari lalu melalui *CNN.com* (*http://edition.cnn.com/2017/01/06/travel/best-places-to-visit-in-2017/*) bertajuk, '*17 best places to visit in 2017*' menyenaraikan Pulau Pinang di tempat kedua selepas Prince Edward Island, Kanada sebagai tempat yang perlu dilawati tahun ini.

Antara ciri-ciri menarik yang dipetik melalui artikel tersebut adalah keunikan '*street food*' di Pulau Pinang selain tempat-tempat bersejarah yang menggabungkan seni binaan klasik sejak zaman kolonial Inggeris.

Oleh : **ME**



# Harap sumbangan ringan beban keluarga mangsa, harap mereka tabah - KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini menyampaikan cek sumbangan berjumlah RM30,000 kepada keluarga mendiang Mejar C. Kayamboo yang maut dalam nahas pesawat milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang terhempas berhampiran Terminal Peluru, Pangkalan Udara (RMAF) dekat Butterworth, 21 Disember 2016.

Sumbangan Kerajaan Negeri itu disampaikan kepada balu mendiang, S. Usha, 43, sambil ditemani ayah mendiang, M. Chellam, 72, di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang; Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan Pegawai Memerintah No. 16 Skuadron Pangkalan Udara Subang, Selangor, Leftenan Kolonel Izhar Zulhisham Ibrahim.

Selain keluarga mendiang Mejar Kayamboo, turut menerima sumbangan ialah tiga anggota lain yang tercedera dalam nahas tersebut.

Mewakili Leftenan Hamdi Ahmad Hanafi ialah ayahnya, Ahmad Hanafi Talib, 63; Kapten Wai Lik (bapanya, Wai Kam Sui, 60) dan Sarjan Mohd. Sofi Azizan (adiknya, Syukriah Azizan).

Mereka masing-masing menerima sumbangan RM5,000 daripada Kerajaan Negeri.

Dalam pada itu, Guan Eng memberitahu, sumbangan tersebut adalah tanda keprihatinan Kerajaan Negeri dalam menghargai pengorbanan mangsa-mangsa yang terlibat.

"Sumbangan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri dan masyarakat tidak lupa sumbangan anggota-anggota TUDM yang berkhidmat dan berkorban demi negara.

"Takziah dan saya harap sumbangan ini dapat meringankan beban yang ditanggung oleh keluarga mendiang Mejar Kayamboo dan berharap mereka tabah.

"Kepada yang cedera, saya harap mereka akan cepat sembuh," ujarnya.

Dalam pada itu, Izhar Zulhisham berharap sumbangan yang diterima bukan sahaja dapat meringankan beban keluarga-keluarga mangsa terbabit, tetapi juga membantu dalam pengurusan harian.

"Mewakili TUDM, untuk pengetahuan, siasatan berhubung kejadian tersebut sedang diteruskan dan berharap dapat penyelesaian segera," jelas beliau.

**Reaksi Ahli Keluarga:**



**KETUA Menteri bersimpati dan memberikan kata-kata semangat kepada M. Chellam (kanan sekali) dan S. Usha (dua dari kanan) pada majlis penyampaian sumbangan khas kepada mereka di sini baru-baru ini.**

"Terima kasih kepada CM (Ketua Menteri) dan Kerajaan Negeri kerana menghargai pengorbanan satu-satunya anak lelaki dalam keluarga saya.

"Pemergiannya pasti dirasai dan kami sekeluarga terpaksa akur untuk meneruskan kehidupan demi masa depan anak-anak Kayamboo" - **M. CHELLAM**, bapa mendiang.

"Anak sulung saya K. Indiran (13) juga ingin jadi juruterbang seperti bapanya dan saya tidak pernah halang untuk dia teruskan cita-citanya itu" - **S. USHA**, balu mendiang.

"Sebagai seorang ayah, pastinya saya terkejut apabila mendapat panggilan daripada TUDM kira-kira sejam selepas kejadian.

"Memang rasa perasaan tidak tenteram sampailah kami sekeluarga mendengar sendiri suara dia melalui panggilan telefon. Alhamdulillah, segalanya selamat...dia cuma mengalami trauma dan sedikit kecederaan ringan di kepala," - **AHMAD HANAFI TALIB**, ayah kepada Leftenan Hamdi Ahmad Hanafi.



**AHMAD Hanafi Talib.**



**SYUKRIAH Azizan.**

"Abang masih menerima rawatan di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan (Kuala Lumpur) untuk pembedahan memasukkan besi di bahagian kaki kanan.

"Selain daripada itu, abang baik-baik sahaja, alhamdulillah, dia pun menunjukkan reaksi positif. Cuma dia masih trauma. Walaupun sebelum ini abang pernah cedera semasa bertugas, tapi insiden kali ini lebih dahsyat," - **SYUKRIAH AZIZAH**, adik kepada Sarjan Mohd. Sofi Azizan.

"Anak saya sekarang sudah boleh makan, boleh cakap dan doktor menjangkakan dia perlu menjalani satu lagi pembedahan untuk mencantumkan semula kulit kerana dia melecur hampir 10 peratus.

"Sebagai bapa, pastinya saya harap dia dapat pulang ke rumah untuk sambut Tahun Baru Cina bersama-sama ahli keluarga," - **WAI KAM SUI**, bapa kepada Kapten Wai Lik.



**WAI Kam Sui.**

## Fitnah Guan Eng, NSTP diarah bayar RM300,000 ganti rugi

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 13 Januari lalu memutuskan artikel berjudul "Guan Eng tarik balik saman Shaik Hussein" yang disiarkan dalam akhbar Berita Harian pada 20 Ogos 2015 mempunyai niat jahat serta berunsur fitnah.

Hakim Y.A. Datuk Rosilah Yop mengarahkan New Straits Times Press Berhad (NSTP) membayar RM300,000 ganti rugi, kos sebanyak RM35,000 serta 5 peratus faedah sehingga penyelesaian penuh kepada plaintif, iaitu Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

"Mahkamah mendapati pihak wartawan Berita Harian memang mengetahui terma-terma dalam penghakiman persetujuan antara Shaik Hussein Mydin dan Lim Guan Eng, memandangkan beliau (Siti Sofia) telah meneliti, membaca dan memahami draf penghakiman persetujuan itu.

"Kedua, Mahkamah mendapati artikel berita tersebut tidaklah wajar dan tidak tepat berdasarkan inti penghakiman persetujuan.

"Berdasarkan penghujahan kedua-dua belah pihak, Mahkamah juga mendapati ada niat buruk dan tuduhan rasuah yang serius," jelas Peguam Plaintif, Simon Murali kepada pemberita di luar kamar Mahkamah Tinggi 4 dekat Kompleks Mahkamah Tinggi Pulau Pinang di sini.

Hadir sama, Raja Syarafina Raja Shuib (Pegawai Khas Undang-Undang Kepada Ketua Menteri.

Simon Murali berkata, kenyataannya itu adalah berdasarkan ketetapan yang dilafazkan oleh Hakim Y.A. Rosilah.

Pun begitu, Simon Murali memberitahu pihak defendan yang diwakili oleh Leong Wai Hong mempunyai hak untuk membuat rayuan pada tahap seterusnya.

Terdahulu, Shaik Hussein pada 5 Oktober 2012 dilaporkan menuduh Guan Eng sebagai korup, dengan melakukan penipuan serta menerima rasuah daripada Pusat Pergigian Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIDC), yang dikaitkan dengan suatu projek pembangunan bercampur di atas sebidang tanah berhampiran Taman Manggis di Jalan Zainal Abidin.

Tuduhan ke atas Guan Eng itu turut disiar dalam akhbar Berita Harian, milik NSTP.

Akhirnya, kedua-dua pihak bersetuju menyelesaikan kes tersebut secara penghakiman persetujuan di mahkamah, dengan syarat permohonan maaf serta menarik balik tuduhan dibuat oleh Shaik Hussein dalam akhbar Berita Harian juga.

Guan Eng dalam sesi perbicaraan pada 14 November tahun lalu antara lain mempertikai laporan berita berjudul "Guan Eng tarik balik saman Shaik Hussein" yang disiarkan dalam akhbar Berita Harian pada 20 Ogos 2015.

Katanya, tulisan pada perenggan dua berita itu yang didakwa tidak lengkap serta memberi mesej yang tidak benar pada dirinya.

Perenggan kedua berita tersebut tertera:

Guan Eng yang juga Setiausaha Agung DAP, selaku plaintif bersetuju menarik balik saman tanpa sebarang syarat, dengan kedua-dua pihak bersetuju untuk menanggung kos masing-masing.

"Seolah-olah saya pula yang bersalah kerana menarik balik saman itu.

"Ekoran perenggan kedua tidak benar, perenggan-perenggan berikutnya juga mencerminkan tidak benar," tegas Guan Eng yang juga Setiausaha Agung DAP kepada Wai Hong.

Perbicaraan kes itu ditangguhkan, disusuli proses erata pada 18 Disember tahun lepas, seterusnya sesi keputusan kehakiman yang telah pun dilangsungkan pada 13 Januari lalu.

# Kenyataan 23 Nov 2016, berikan pandangan pun disiasat - Guan Eng



**KETUA Menteri sambil ditemani peguamnya ketika dirakam keterangan oleh dua pegawai polis IPD Ampang Jaya 13 Januari lalu di sini.**

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Ahli Parlimen Bagan yang juga Setiausaha Agung DAP, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada 23 November 2016 hanya sekadar memberi pandangan semata-mata.

Guan Eng yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kenyataan tersebut adalah lebih bersifat perbincangan dan pandangan semata-mata.

"Dalam kenyataan tersebut, saya meminta MCA, MIC, Gerakan dan SUPP supaya gunakanlah saluran Perlembagaan Persekutuan... iaitu untuk meminda Perlembagaan Persekutuan (terhadap sebarang akta) memerlukan sekurang-kurangnya 2/3 majoriti (menyokong).

"(Dan) dalam masa yang sama meminta MCA, MIC, Gerakan dan SUPP menarik diri, keluar daripada Barisan Nasional (BN) kerana mengkhianati prinsip mereka dan hilang hala tuju demi kepentingan politik mereka.

"Sekiranya meminta MCA, MIC, Gerakan dan SUPP keluar daripada BN pun boleh disiasat di bawah Akta Hasutan, mengapa mereka (MCA, MIC, Gerakan dan SUPP) tidak disiasat apabila meminta kita keluar Pakatan?," ujarnya dalam sidang media di sini 13 Januari lalu.

Hadir sama, peguam yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer dan Setiausaha Politiknya, Wong Hon Wai.

Guan Eng, dalam pada itu, turut meminta supaya media massa terutama media arus perdana supaya mencetak penuh kenyataan akhbar beliau dan bukannya sebahagian sahaja yang bertujuan untuk memutar-belitkan kenyataan asal.

"Buat masa ini, saya difahamkan terdapat lima laporan polis dibuat berhubung perkara ini iaitu dari Johor, Selangor dan Kuala Lumpur," ujarnya.

(Kenyatan penuh berbahasa Inggeris tersebut boleh diakses melalui link berikut: *https://limguaneng.com/index.php/2016/11/23/mca-mic-gerakan-and-supp-should-withdraw-from-bn-following-bns-endorsement-of-hudud-like-lawsec/*)

Terdahulu, dua pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya, Selangor hadir ke pejabat beliau di Tingkat 28, Komtar bagi mengambil keterangan berhubung kenyataan akhbar berkaitan.

Guan Eng yang diiringi peguamnya meluangkan masa kira-kira 40 minit bagi merakamkan keterangan.

Guan Eng memberitahu, beliau difahamkan akan disiasat di bawah Seksyen 4 (1) (c) Akta Hasutan 1948 bersabitkan kesalahan di bawah Seksyen 3 (1) (a), (c) dan (d) akta sama.

Akta di bawah Seksyen 4(1) (c) menyatakan: -

4. (1) Mana-mana orang yang -

(c) mencetak, menerbitkan, menjual, menawarkan untuk dijual, mengedarkan atau mengeluarkan semula apa-apa pernerbitan menghasut; atau melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh bagi kesalahan kali pertama didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan yang kemudian, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun; dan apa-apa penerbitan meghasut yang didapati dalam milik orang itu atau yang digunakan sebagai kerengan dalam perbicaraannya hendaklah dilucuthakkan dan boleh dimusnahkan atau dilupuskan dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.

Manakala Seksyen 3(1) iaitu Sesuatu 'kecenderungan menghasut' ialah kecenderungan -

(a) bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan;

(c) bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap pentadbiran keadilan di Malaysia atau di mana-mana Negeri;

(d) bagi menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat Yang di-Pertuan Agong atau rakyat Raja mana-mana Negeri atau di kalangan penduduk Malaysia atau penduduk mana-mana Negeri;

## P. Pinang gesa Pusat tangguh pelaksanaan EMC

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang menggesa Kerajaan Pusat supaya mempertimbangkan penangguhan pelaksanaan Komitmen Mandatori Majikan atau EMC yang mensyaratkan bayaran levi pekerja asing ditanggung sepenuhnya oleh majikan kepada sekurang-kurangnya ke tahun 2020.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, persetujuan supaya Kerajaan Pusat mempertimbangkan penangguhan itu dibuat pada Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri pada 11 Januari 2017.

"Melalui Mesyuarat Exco hari ini (11 Januari), Kerajaan Negeri Pulau Pinang ingin menyeru kepada (Kerajaan) Pusat supaya menangguhkan dahulu arahan EMC ke suatu masa yang lebih sesuai memandangkan keadaan ekonomi Malaysia kini yang tidak menentu dan mencabar, " ujarnya pada sidang media di sini.

Menurut Guan Eng, walaupun Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan masih percaya bahawa perjanjian perdagangan Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) akan diteruskan tanpa masalah, namun ia jauh dari hakikat sebenar.

"Donald Trump (Presiden Amerika Syarikat) sudah beberapa kali mengumumkan untuk menarik diri daripada TPPA dan sekiranya Trump tidak meneruskan TPPA, maka takkan ada TPPA.

"Tetapi, kita ada Menteri yang masih percaya bahawa Trump akan teruskan (dengan TPPA) dan ini (kenyataan Ka Chuan) seolah-olah dia tersisih dari realiti," ujarnya yng berharap agar Kerajaan Pusat sedia mempertimbangkan segala kemungkinan bagi menangguhkan pelaksanaan EMC sehingga keadaan ekonomi pulih semula.

Terdahulu, pada 31 Disember 2016, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi mengumumkan pelaksanaan EMC bakal dikuatkuasakan bermula 1 Januari 2017. Lanjutan itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai pada 11 Januari lalu mengumumkan bahawa Kabinet bersetuju untuk menangguhkan pelaksanaannya ke tahun 2018.

Perubahan dasar itu sekaligus memastikan majikan bertanggungjawab sepenuhnya untuk membayar levi pekerja asing yang digajikan bermula dari peringkat permohonan, penggajian sehinggalah pekerja asing tersebut dihantar pulang ke negara asal.

## George Town, Malaysia No. 1 di dunia dalam penjagaan kesihatan

**GEORGE TOWN –** George Town, Pulau Pinang terus mendahului apabila *InternationalLiving.com* mengiktiraf bandar raya berkaitan dan Kuala Lumpur sebagai dua lokasi di Malaysia yang menawarkan pekhidmatan penjagaan kesihatan terbaik di dunia.

Artikel yang diterbitkan pada 5 Januari 2017, bertajuk '*4 Countries with the Best Health Care in the World 2017*' itu, turut menyenaraikan Costa Rica di tangga kedua, Columbia dan Mexico masing-masing di tangga ketiga dan keempat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkannya berkata, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang ditawarkan bukan sahaja berpatutan, malah mudah diakses.

"Hal ini terbukti apabila Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang berhasrat untuk menjadikan negeri ini sebagai bandar raya perubatan yang unggul.

"Pastinya, tumpuan diberikan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar raya perubatan dan untuk itu, pihak Kerajaan Negeri kini giat berbincang dengan *Southeast Healthcare* untuk membawa masuk pelaburan berjumlah RM1 bilion untuk memperluaskan industri perkhidmatan penjagaan kesihatan di negeri ini," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Guan Eng turut menyifatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang ditawarkan di Malaysia, khususnya Pulau Pinang adalah setanding piawaian antarabangsa selain mempunyai doktor-doktor pakar berkemahiran tinggi dengan kos berpatutan.

Layari pautan artikel penuh, *https://internationalliving.com/2017/01/4-countries-best-healthcare-world/*) .

# Harap Pusat segera salur dana RTB Sungai Pinang atasi banjir - Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**DATUK KERAMAT -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo menggesa Kerajaan Pusat supaya segera menyalurkan dana bagi mengatasi masalah banjir di kawasan sepanjang Sungai Pinang pada masa hadapan.

**Jagdeep yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan berkata, dana tersebut diperlukan segera bagi menyempurnakan fasa berikutnya bagi Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang.**

**"Kita (Kerajaan Negeri) memerlukan kira-kira RM600 juta iaitu RM300 juta bagi RTB Sungai Pinang yang merangkumi kerja-kerja melebar dan mendalamkan Sungai Pinang dan RM300 juta lagi diperlukan bagi penaiktarafan kualiti air sedia ada.**

**"Lagipun, kerja-kerja bagi penyempurnaan fasa berikutnya sepatutnya dilakukan sebelum ini, tetapi sejak 1999 (siap Fasa 1), tiada sebarang usaha dibuat oleh Kerajaan Negeri Barisan Nasional (BN) terdahulu.**

**"Sekiranya RTB Sungai Pinang dilaksanakan sebelum ini, pastinya Kerajaan Negeri kini boleh berjimat selama sembilan tahun kerana jarak sembilan tahun (1999 sehingga 2008) langsung tiada usaha dilakukan (bagi menyempurnakan fasa-fasa RTB Sungai Pinang),"** katanya yang ditemui sejurus mengedarkan kalendar 2017 di pasar lambak Lorong Kulit (Rope Walk) di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, pada penghujung tahun lalu (2016), Kerajaan Pusat telah bersetuju untuk menyalurkan RM150 juta bagi pelaksanaan fasa RTB Sungai Pinang berikutnya.

"Cuma yang saya harapkan agar, Kerajaan Pusat dapat segera menyalurkan dana tersebut kerana saya tidak mahu kejadian banjir yang melanda di Kelantan berlaku di Pulau Pinang," ujarnya yang turut menyuarakan cadangan untuk membina baraj di muara Sungai Pinang kepada Pengarah Jabatan




**JAGDEEP Singh Deo (tengah) ketika mengedarkan kalendar 2017 di Rope Walk di sini baru-baru ini.**

Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang, Ir. Sabri Abdul Mulok baru-baru ini.

Dalam pada itu, Jagdeep turut memberi respons apabila Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi mengumumkan 'hadiah' RM800 juta bagi menangani masalah banjir di Kelantan baru-baru ini.

**"Kejadian banjir di Kelantan bukanlah perkara baru, sebelum inipun telah banyak pengumuman dibuat untuk mengatasi banjir tersebut, contohnya pada tahun 2015, Kerajaan Pusat telah mengumumkan peruntukan RM3 bilion untuk membina empangan di Kelantan, namun selepas itu, tiada perkembangan berita tersebut.**

**"Saya khuatir, Kerajaan Pusat hanya membuat pengumuman demi pengumuman tetapi tiada tindakan dilakukan dan pastinya saya tidak mahu perkara sama (banjir di Kelantan) berlaku di Pulau Pinang.**

"Projek-projek seperti RTB Sungai Pinang ini tidak boleh dilaksanakan oleh JPS Negeri kerana merupakan bidang kuasa Pusat yan melibatkan jangka masa panjang dan merupakan projek berimpak besar.

"Maka, Kerajaan Pusat perlu segera bertindak kerana ia melibatkan keselesaan rakyat," mungkin Kerajaan Pusat perlu diubah agar kerja-kerja RTB dapat dilaksanakan demi rakyat," tegasnya yang menzahirkan rasa empati terhadap rakyat di Kelantan dan Terengganu yang terpaksa dipindahkan rentetan kejadian banjir yang melanda.

Sebagai rekod, terdapat 23 RTB di Malaysia termasuk RTB Sungai Pinang.

## Asrama pekerja asing, elak lambakan pekerja di perumahan komersial

**GEORGE TOWN -** Exco Perancang Bandar dan Desa & Perumahan, Jagdeep Singh Deo baru-baru ini menafikan laporan beberapa media massa yang menyatakan bahawa terdapat 200 hingga 300 bas bakal memasuki kawasan perumahan sekitar Bukit Minyak dan Juru apabila asrama pekerja warga asing siap kelak.

Katanya, berdasarkan statistik dikeluarkan Westlite Dormitories Sdn. Bhd. (Westlite) iaitu syarikat berpengkalan di Singapura yang dipertanggungjawabkan untuk menyiapkan asrama tersebut, jumlah sebenar yang diperlukan adalah kira-kira 33 bas sahaja.

"23 bas dijangka akan beroperasi pada waktu siang, manakala malam (10).

"Berhubung dakwaan penduduk yang merujuk kepada laporan beberapa akhbar baru-baru ini adalah tidak benar, dan itu cuma anggaran kasar pihak berkaitan semata-mata," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Penolong Pengurus Besar Westlite, Johnny Chan dan Pengurus Projek Pembangunan Westlite, R. Magendran.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, usaha Kerajaan Negeri dalam menyediakan asrama pekerja asing mampu mengurangkan lambakan kakitangan golongan berkaitan di sesebuah kawasan perumahan komersial.

"Pada masa sama, inisiatif tersebut juga dapat mengelakkan unit rumah kos rendah (RKR) dan sederhana rendah (RKSR) disewakan kepada mereka (pekerja asing) sebagaimana berlaku kini," jelasnya.

Tambah Jagdeep, projek asrama pekerja warga asing bernilai RM15 juta tersebut adalah terbahagi kepada dua lokasi, iaitu di Juru dan Bukit Minyak, yang bakal menempatkan kira-kira 12,000 pekerja pada satu-satu masa.

"Bagi Bukit Minyak, kita menjangkakan dapat siap seawal April 2018 dan projek tersebut telahpun bermula kini.

"Bagi Juru, ianya masih dalam rundingan bersama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)," katanya.

Dalam pada itu, menurut Magendran, para penduduk setempat tidak perlu bimbang akan penempatan pekerja asing di kawasan tersebut kerana pihaknya (Westlite) telah merancang serta menyediakan kemudahan secukupnya kepada pihak berkaitan.

"Antaranya, gelanggang, kedai runcit, dewan serba guna, lokasi riadah, klinik, mesin ATM dan lain-lain.

"Penghuni di sini adalah warga asing yang berstatus sah, mereka juga akan diberikan kad akses yang mempunyai ciri-ciri biometrik bagi tujuan keselamatan," jelas beliau.

# KN usaha semaksimum mungkin kurang kejadian banjir – Exco

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) telah mengenalpasti 47 *hotspot* (kawasan yang berisiko) banjir di seluruh negeri ini termasuk 11 kawasan utama berkepadatan penduduk tinggi.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, bagi 11 kawasan utama tersebut, Kerajaan Negeri dan Pusat menyediakan peruntukan sebanyak RM150 juta masing-masing pada tahun ini kepada JPSPP selaku badan yang dilantik bagi menyelaras projek-projek mitigasi banjir di negeri ini.

"11 kawasan tersebut adalah membabitkan lima projek di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Utara, SPU (1), Daerah Barat Daya, DBD (3) dan Daerah Timur Laut, DTL (2).

"Daripada jumlah keseluruhan, sembilan daripadanya adalah menggunakan peruntukan khas (RM150 juta) Kerajaan Negeri, manakala dua projek di DTL iaitu Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang adalah di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut sama, Pengarah JPSPP, Ir. Sabri Abdul Mulok dan Pengarah Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Addnan Mohd. Razali.

Menurut Kon Yeow, sembilan kawasan yang menerima peruntukan di bawah Kerajaan Negeri ialah Sungai Permatang Rawa berjumlah RM12.6 juta, Padang Lalang/ Kampung Permatang Rawa (RM19.1 juta), Bukit Tengah (RM19 juta), Taman Mangga/ Jalan Juru (RM11.5 juta), Alma (RM9.6 juta), Mak Mandin (RM40 juta), Sungai Relau (RM20.1 juta), Taman Iping (RM13.6 juta) dan Kampung Naran (RM4.5 juta).

Tambah beliau, baki 36 *hotspot* banjir akan diselesaikan secara berperingkat iaitu, melalui projek tebatan banjir sama ada menggunakan peruntukan negeri, caruman perparitan ataupun pihak Persekutuan (Pusat).

"Kita sedang berusaha mengurangkan semaksimum mungkin kejadian banjir di negeri ini.

"Oleh itu, dua tiga tahun ini adalah tahun yang sibuk untuk pihak Majlis dan JPSPP bagi menyiapkan projek-projek yang telah dirancang ini," ujarnya.

Dalam sidang media sama, MBPP turut mengumumkan peruntukan sejumlah RM6.7 juta bagi mengatasi masalah banjir kilat dan menaik taraf sistem saliran bandar S10 di DTL.

Addnan memberitahu, projek tersebut adalah melibatkan pembinaan *box culvert* yang bakal meningkatkan keupayaan kadar alir saliran sedia ada berukuran 4.0 meter (m) kepada saiz lebih besar iaitu, 7.2m dan menjadikan parit sebagai tempat takungan air semasa berlakunya hujan lebat di dalam kawasan tadahan S10.

"Kawasan S10 berkeluasan 278.70 ekar ini adalah merangkumi Lebuh Carnarvon, Lebuh Chulia, Jalan Pintal Tali, Lebuh Cintra, Lebuh Kimberly, sebahagian Jalan Transfer, Jalan Phee Choon, Lebuh Dickens dan kawasan sekitarnya.

"Selain pembinaan *culvert*, projek ini juga merangkumi komponen *road works*, pengalihan utiliti dan pembinaan semula perabot jalan," jelas beliau.

# Jangan laksana tugas semata-mata harap pengiktirafan, perlu ikhlas - Ir. Sabri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri dan Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) akan terus mengiktiraf usaha gigih, komitmen yang konsisten dan budaya kerja cemerlang penjawat awam negeri.

Demikian kata Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow ketika hadir menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Terpuji 2015 dan Jasamu Dikenang 2016 JPSPP pada 27 Disember lalu.

Menurutnya, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memastikan setiap pengorbanan dalam menggalas tugas dan tanggungjawab diberi pengiktirafan sewajarnya.

"Saya percaya, pengiktirafan sebegini bukan sahaja sebagai menghargai penjawat awam negeri, bahkan turut menjadi mekanisme dalam mempamerkan potensi serta prestasi diri setiap penjawat awam di negeri ini," ucapnya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Seramai 240 daripada 427 kakitangan JPSPP menerima Anugerah Perkhidmatan Terpuji ekoran penilaian prestasi melebihi 90 markah bagi tahun yang dinilai.

Manakala, 15 kakitangan bakal bersara menerima Sijil Jasamu Dikenang dan Sijil Kelakuan Terpuji (2).

**Pengarah JPSPP, Ir. Sabri Abdul Mulok berkata, tahun 2016 merupakan tahun yang mencabar buat JPS dan beliau berharap pemberian anugerah tersebut akan menjadi pendorong kepada kakitangan (JPSPP) lain untuk terus menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang, termasuk semua aspek penyampaian perkhidmatan jabatan berkenaan.**

**"Paling utama, janganlah melaksanakan tugas semata-mata mengharapkan pengiktirafan, tetapi sebalik perlu ikhlas, proaktif dan utamakan integriti dalam menyempurnakan amanah dipertanggungjawabkan,"** ujarnya yang turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada kakitangan yang bakal bersara.



**CHOW Kon Yeow (depan, empat dari kanan) beramah-mesra dengan sekumpulan penerima Anugerah Perkhidmatan Terpuji sambil ditemani Ir. Sabri Abdul Mulok (depan, tiga dari kanan) pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Terpuji 2015 dan Jasamu Dikenang 2016 JPSPP di sini 27 Disember lalu.**

# Saifuddin Nasution sebagai Penasihat Strategik KM

**TERIMA JAWATAN...** Datuk Saifuddin Nasution Ismail baru-baru ini melafazkan ikrar serta mengangkat sumpah sebagai Penasihat Strategik kepada Ketua Menteri Pulau Pinang.

Beliau melafazkan ikrar di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus.

Turut menyaksikan, barisan Exco Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri, Datuk Anas Ahmad Zakie dan Pegawai Kewangan Negeri, Sarul Bahiyah Abu.




**SAIFUDDIN Nasution Ismail (tengah) menyerahkan watikah pelantikan beliau kepada Ketua Menteri sambil diperhatikan Farizan Darus di sini baru-baru ini.**

# Cheok Lay Leng sebagai Pengurus Besar PHC baru

**PENGURUS BESAR BARU PHC...** Mantan Presiden, *Asia Operations Netronome System Incorporated*, Cheok Lay Leng, 55, dilantik sebagai Pengurus Besar baru Perbadanan Bukit Bendera (PHC) berkuat kuasa 8 Januari lalu.



**CHEOK Lay Leng.**

Pelantikan Lay Leng adalah bagi menggantikan Dato' Ng Wei Kok yang sebelum ini memangku jawatan tersebut selama dua tahun.

Lay Leng mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam lapangan penyelidikan dan pembangunan (R&D), pengurusan eksekutif dan perniagaan industri elektronik yang berpangkalan di Amerika Syarikat, Hong Kong dan China.

# Masjid Simpang Empat Permatang Buluh sambut jubli emas



DR. Abdul Rahman Abbas (berjubah kuning) memerhatikan replika Masjid Simpang Empat Permatang Buluh pada pameran yang diadakan bersempena majlis sambutan jubli emas ke-50 institusi berkaitan di sini baru-baru ini.

**SAMBUTAN JUBLI EMAS...** Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas baru-baru ini berkenan merasmikan Sambutan Jubli Emas Ke-50 Masjid Simpang Empat Permatang Buluh, Sungai Dua, Seberang Perai Utara (SPU).

Sambutan dihadiri kira-kira 300 hadirin tersebut diisi dengan majlis bacaan Yasin, tazkirah, memotong pulut kuning, pesembahan silat, kompang, paluan tabuh, pameran agensi kerajaan/swasta dan tayangan video mengenai sejarah masjid tersebut.

Pengerusi masjid berkenaan, Zamri Darus berkata, sejarah masjid yang dibina pada 1965 wajar didedahkan untuk pengetahuan umum generasi muda kini terutamanya yang menetap di kawasan berkaitan.

Antara yang menarik perhatian jemaah yang singgah di sini adalah sepucuk meriam yang diletakkan di penjuru hadapan masjid.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Farizan Darus, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Datuk Sazali Hussein dan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Sungai Dua, Rosli Hassan.

# Gagal terima status hak milik strata 30 tahun, KN dahulu tidak serius selesai masalah rakyat - Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SERI DELIMA –** Sebanyak 595 pemilik unit di tiga projek perumahan awam negeri Pulau Pinang menarik nafas lega apabila menerima hak milik strata masing-masing setelah lebih 30 tahun mendiaminya.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo ketika mengumumkan perkara tersebut berkata, tiga projek perumahan awam tersebut adalah Rumah Pangsa Batu Lancang, Batu Lancang merangkumi 316 unit, Taman Tun Sardon Fasa III (140) dan Rumah Peralihan Taman Tun Sardon, dekat Seri Delima (139)

"Ketiga-tiga skim projek perumahan awam ini merupakan sebahagian daripada 41 (skim) merangkumi (10,406 unit) telah memiliki hak milik strata, dan terdapat lima (skim) lagi masih dalam proses permohonan iaitu dengan jumlah 2,395 unit.

"Lima skim yang masih dalam proses adalah Taman Free School (655 unit), Taman Tun Sardon Fasa I (200 unit), Taman Tun Sardon Fasa II (920 unit), Rumah Pangsa Mak Mandin 1 (400 unit) dan Rumah Pangsa Mak Mandin Lama (220)," ujarnya ketika mengedarkan risalah ucapan tahniah kepada penduduk di Taman Tun Sardon Fasa III dan Rumah Peralihan Taman Tun Sardon ekoran penerimaan hak milik strata masing-masing di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer dan beberapa wakil Pejabat Perumahan dan wakil penduduk.

**Selaras dengan pendirian Kerajaan Negeri, Jagdeep menyatakan bahawa pihaknya memberikan keutamaan untuk memproses hak milik strata terutama bagi projek perumahan awam di negeri ini.**

**"Saya terkejut apabila mendapati ada antara unit-unit perumahan awam di negeri ini yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri masih belum menerima status hak milik strata, walaupun telah mencecah lebih 30 tahun.**

**"Perkara tersebut jelas membuktikan bahawa kerajaan BN (Barisan Nasional) terdahulu gagal dan tidak serius menyelesaikan masalah rakyat, terutama dalam pemilikan hak milik strata yang menjadi bukti pemilikan kepada pemilik unit.**

**"Oleh demikian, Kerajaan Negeri yang ada hari ini, perlu menjadi teladan, *walk the talk* dan memastikan tindakan diambil untuk setiap keputusan yang dibuat atau *practice what it preaches*," jelasnya.**

Sebagai rekod, sehingga 30 November 2016, daripada sejumlah 1,871 projek membabitkan 243,938 unit, 59 skim masih dalam permohonan, belum membuat permohonan hak milik strata (59), manakala masih dikemas kini rekodnya (3).



JAGDEEP Singh Deo (tengah) dan R.S.N. Rayer (dua dari kanan) mengedarkan risalah pemberitahuan status hak milik strata kepada salah seorang penduduk di Taman Tun Sardon Fasa III di sini baru-baru ini.



# Majestic Heights, Exco harap pembeli peroleh kunci sebelum Tahun Baru Cina

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PAYA TERUBONG -** Projek perumahan awam, Majestic Heights dekat Paya Terubong yang terbengkalai kira-kira 20 tahun sejak 1997 hampir siap dan dijangka boleh diduduki oleh 370 pembeli hartanah berkenaan dalam awal tahun ini juga.

**Mengulas lanjut, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, projek swasta itu dipulihara semula sehingga siap setelah menerima campur tangan Kerajaan Negeri kira-kira setahun lalu.**

**"Ada mereka telah menandatangani surat perjanjian jual beli rumah di sini sejak 1997, bayangkan berapa lama mereka menanti untuk duduk di rumah yang merupakan hak mereka.**

**"Namun, kita (Kerajaan Negeri) berharap sebelum Tahun Baru Cina (28 Januari 2017), pemilik akan diberikan kunci masing-masing,**" ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat kepada pemberita selepas mengadakan lawatan tapak di sini pada 24 Disember lalu.



JAGDEEP Singh Deo (enam dari kanan) merakam gambar bersama-sama sebahagian pembeli unit kediaman Majestic Heights ketika mengadakan lawatan tapak di sini 24 Disember lalu.

Turut serta, ADUN Paya Terubong, Yeoh Soon Hin.

Pada Mei tahun lepas, pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengumumkan langkah proaktif untuk mengambil alih tiga projek pembangunan terbengkalai berusia lebih 10 tahun.

Selain Majestic Heights, Jagdeep memberitahu, dua projek terbengkalai lain adalah projek pembangunan bercampur Pasar Awam Paya Terubong dan bangunan ruang pejabat, *Hexagon Tech Park (Hexagon)* atau dulunya dikenali sebagai Kompleks Adorna Diamond dekat Sungai Pinang.

Tambah Jagdeep, **Kerajaan Negeri hari ini mengambil langkah proaktif dengan berunding semula dengan Patsifit Construction Sdn. Bhd. (Patsifit), iaitu syarikat pemaju yang terlibat dengan projek asal tersebut, untuk mengambil alih semula projek terbengkalai Majestic Heights.**

**"Hasil daripada rundingan bersama-sama Patsifit, Kerajaan Negeri bersetuju mengambil alih semula projek terbengkalai ini dan satu cadangan pembangunan baru dibina bersama komponen perumahan mampu milik.**

"Antaranya, komponen pasar yang menelan belanja sebanyak RM7 juta yang dimulakan pada pertengahan tahun 2016 dan dijangka disiapkan sepenuhnya selewat-lewatnya pada 2017.

"Projek terbengkalai Majestic Heights disiapkan sepenuhnya oleh syarikat kontraktor PLB Land Sdn. Bhd.," jelas beliau.

## Tapak taman lama hampir paras laut punca bencana banjir – Exco

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PERAI -** Banjir kilat yang seringkali melanda Lebuh Seri Kijang dan Taman Seri Kijang serta beberapa kawasan daerah Seberang Perai Tengah (SPT) kebelakangan ini di sini adalah disebabkan tapak taman perumahan lama tersebut berada begitu rendah dari paras laut.

Justeru, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri sejak 21 Jun tahun lepas memulakan kerja-kerja penarafan pembentung (*culvert*) serta sistem perparitan di kedua-dua lokaliti tersebut dengan kos RM580,000 dan dijangka siap pada 27 Februari ini.

"Salah satu sebab daripada pelbagai punca adalah ketinggian tapak taman perumahan lama yang mula dibina pada zaman 1970-an pada ketinggian antara dua hingga empat kaki dari paras laut.

"Tetapi, piawaian baru (dalam Pelan Induk Tebatan Banjir Dan Saliran Mesra Alam Daerah) SPT telahpun dilaksanakan, iaitu ketinggian tapak taman perumahan dinaikkan ke ketinggian tujuh kaki dari paras laut," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota ketika mengadakan lawatan ke Rumah Pam Kawalan Banjir Lorong Kurau 1 dekat Taman Chai Leng di sini baru-baru ini.

ADUN Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Timbalan Ketua Menteri II dan Setiausaha Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Sr. Rozali Mohamud turut sertai program meninjau lokaliti tumpuan banjir sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) berkenaan.

Kon Yeow memberitahu, Kerajaan Negeri sejak tahun 2010 memberi tumpuan dalam usaha menangani risiko banjir kilat, dengan menggunakan wang caruman negeri.

Berikut adalah rekod pelaksanaan projek RTB yang telah dilaksanakan di Daerah SPT dalam tempoh 2010 hingga 2016:-

* RM1,150,166.40, Pakej 4: Sistem Perparitan Taman Desa Damai, siap pada 24 Mac 2011.
* RM228,800, Projek Menaik Taraf Taman B, siap pada 26 Oktober 2011.
* RM2,476,543.21, RTB Sungai Rambai: Sistem Perparitan & Rumah Pam Taman Desa Damai, siap pada 21 Januari 2013.
* RM1,876,301, Projek Menaik Taraf Parit dan Kolam Takungan di Taman Remia, siap pada 30 April 2013.
* RM1,836,360 RTB Sungai Rambai: menaik taraf sistem perparitan dan rumah pam Tamam Makok, siap pada 22 Ogos 2013.
* RM912,963, projek Menaik Taraf Parit Taman Sejahtera dekat Alma, siap pada 6 Mei 2013.
* RM7,074,837, RTB dan Menaik Taraf Parit di Jalan Kampung Baru, siap pada 18 Julai 2014.
* RM200,000, projek pembinaan Parit Konkrit di Lebuh Binjai 3 dekat Taman Seri Rambaik.
* RM2,025,000, projek pembinaan rumah pam serta naik taraf sistem perparitan Taman Seri Berjaya dan Taman Sungai Ramai, siap pada 6 Jun 2014.
* RM250,000, Kajian Mengatasi Banjir di Taman Machang Bubok, siap pada 7 Disember 2014.
* RM465,000, projek penarafan pam dan parit Taman Seri Jaya dan Taman Sungai Rambai, siap pada 8 Februari 2014; dan
* RM580,000, projek menaik taraf *culvert* di Lebuh Sungai Kijang, Taman Seri Kijang, yang dijadual akan siap pada 27 Februari 2017.



CHOW Kon Yeow serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri meninjau dan menguji jentera pengaut sampah di Rumah Pam Kawalan Banjir Lorong Kurau 1 dekat Taman Chai Leng di sini baru-baru ini.



# 3 pemain import, 5 pemain tempatan lengkapkan senarai FAP

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) baru-baru ini memperkenalkan lapan pemain tambahan dalam melengkapkan senarai 25 pemain bagi mengharungi saingan Liga Super 2017 yang dijangka bermula hujung Januari ini.

Pengurusnya, Zairil Khir Johari berkata, daripada lapan pemain terbabit, tiga adalah pemain import, manakala lima lagi merupakan pemain tempatan.

"Kita yakin dengan adunan pemain lama dan pemain baharu di bawah kendalian jurulatih Ashley Westwood, pencapaian pada tahun ini mampu menjadi lebih baik berbanding saingan 2016," katanya pada sidang media khas di Stadium Bandaraya di sini baru-baru ini.

Ashley dalam pada itu turut menyatakan bahawa Pulau Pinang tidak meletakkan sebarang sasaran melainkan mengumpul mata sebanyak mungkin dalam setiap perlawanan.

Berikut adalah senarai pemain baru:

1. Diogo Alexndre Alves Fereira (import)
• Berasal dari Australia, posisi pemain tengah dan pernah bermain untuk pasukan kebangsaan Australia bawah 23 tahun.

2. Nigel Dabinyaba (import)
• Berasal dari Papua New Guinea, bertindak sebagai pemain sayap/penyerang dan mewakili skuad kebangsaan negara tersebut sebelum ini.

3. Andrew James Russell (import)
• Berasal dari England, tetapi memegang kerakyatan Hong Kong. Beliau akan bermain di posisi pertahanan dan turut mewakili negara Hong Kong.

4. Muhammad Zulkhairi Zulkeply (tempatan)
• Pernah bermain bersama UiTM FC dan kini membarisi skuad kebangsaan Malaysia bawah 22 tahun dan bermain di posisi pertahanan kiri bagi Pulau Pinang.

5. Amirul Asyraf Suhaidi (tempatan)
• Beliau merupakan bekas skuad Piala Presiden Pulau Pinang, USM FC dan UiTM FC. Bakal mengisi posisi penjaga gol.

6. K. Rueben (tempatan)
• Pemain yang tidak asing dalam Liga Malaysia, pernah bermain bersama PDRM dan ATM, beliau juga kerap mendapat panggilan daripada skuad negara.

7. Shazlee Ramlee (tempatan)
• Pemain muda ini pernah mendapat pendedahan di kelab bola sepak Australia, Cockburn City sebelum mewakili Kuantan FA dan JDT II. Beliau akan memperkuatkan barisan tengah pasukan Pulau Pinang.

8. Yong Kuong Yong (tempatan)
• Pernah bermain untuk Pulau Pinang pada musim 2015, beliau berkebolehan bermain di pelbagai posisi. Kuong Yong turut mendapat panggilan skuad negara tahun lalu.



**(DARI kiri), AMIRUL Asyraf Suhaidi, Muhammad Zulkhairi Zulkeply, Andrew James Russell, Ashley Westwood, Zairil Khir Johari, Shazlee Ramlee, K. Rueben, Nigel Dabinyaba dan Diogo Alexndre Alves Fereira bergambar kenangan pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

## Usul isu perumahan dipersetujui bersama, Exco harap Jahara tidak tarik balik

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berharap Ketua Pembangkang Pulau Pinang, Datuk Jahara Hamid tidak menarik balik usul bersama yang dipersetujui pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) November lalu berhubung masalah perumahan yang dihadapi di negeri ini.

**Ujar Jagdeep, usul bersama yang bukan sahaja dipersetujui oleh Jahara, malah juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Datuk Wira Sr. Muhamad Farid Saad (pada sidang DUN baru-baru) perlu dipersetujui supaya masalah berhubung perumahan di Pulau Pinang dapat diselesaikan demi kepentingan rakyat.**

**"Usul bersama ini bukanlah isu politik dan tidak seharusnya dipolitikkan memandangkan ia (usul bersama) melibatkan kepentingan rakyat Pulau Pinang, khususnya.**

**"Saya harap beliau (Jahara) tidak menarik balik usul yang dipersetujui sebelum ini," katanya ketika diminta mengulas mengenai perkembangan usul bersama yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Exco pada 21 Disember lalu.**

Jelas Jagdeep, pada 21 Disember lalu, melalui Mesyuarat Exco, ahli-ahli mesyuarat telah bersetuju supaya Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus mendrafkan semula usul tersebut.

"Usul tersebut telahpun didrafkan semula dan dihantar kepada Ketua Pembangkang dua hari lalu (28 Disember) dan ditandatangani oleh Dato' Seri Farizan," jelasnya yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Pemilihan Perumahan (SPEC).

Terdahulu, pada 15 Disember lalu, Jagdeep memaklumkan bahawa beliau akan membentangkan usul bersama yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri dan Ketua Pembangkang berhubung isu perumahan di Pulau Pinang dalam Mesyuarat Exco.

Usul bersama yang dipersetujui itu, kemudiannya akan dihantar kepada Kerajaan Persekutuan setelah dipersetujui oleh semua pihak yang mengemukakan usul tersebut, yakni Kerajaan Negeri dan Ketua Pembangkang.

Dua isu induk yang dibangkitkan adalah:

a. Kerajaan Persekutuan dan Bank Negara Malaysia (BNM) perlu segera menangani permasalahan kadar penolakan permohonan pinjaman bank oleh pembeli rumah mampu milik (RMM) terutama Jenis A (kos rendah) dan Jenis B (kos sederhana rendah).

b. Kerajaan Persekutuan disarankan supaya menyemak semula perundangan bagi membenarkan mana-mana Kerajaan Negeri di Malaysia mengambil tindakan terhadap pemilik RMM Jenis A dan Jenis B yang menyewakan unit rumah mereka kepada orang ketiga termasuk warga asing.

## Fitnah terhadap KM & KN, laporan polis dibuat

**GEORGE TOWN -** Polis Diraja Malaysia (PDRM) digesa supaya segera menyiasat satu mesej diviralkan menerusi aplikasi *WhatsApp* yang memfitnah Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang kononnya berhasrat menutup Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Pegawai Penerangan Ketua Menteri, Zaidi Ahmad membuat gesaan sedemikian pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut di sini baru-baru ini.

"Pihak polis mahukan dua orang saksi sokongan dan kita tiada masalah untuk itu kerana kita sudah ada dua saksi, termasuk saya sendiri.

"Kita juga punyai bukti kukuh seperti nombor penyebar, jadi saya percaya polis dapat mengesan suspek yang dipercayai menyebarkan fitnah ini pada kadar secepat mungkin," katanya selepas selesai membuat laporan di Balai Polis Jalan Patani.

Hadir sama, Pegawai Khas & Penyelaras Agenda Ekonomi Saksama (AES), Ab. Wahab Long.

Pada 1 Januari lalu, *WhatsApp* fitnah yang turut memaparkan wajah Guan Eng tersebut antara lain menyebut:

*"Pakatan akan tutup Mara. Kita akan tutup segala entiti berkait MARA selagi ia tidak terbuka untuk semua kaum itu janji saya untuk Kerajaan di bawah Pakatan"*



**ZAIDI Ahmad (kanan) dan Ab. Wahab Long masing-masing menunjukkan laporan polis dan salinan *Whatsapp* berkaitan di sini baru-baru ini.**

Stramax Residences
3-Storey Terrace Homes
Desaria, Sungai Ara, Penang

GAYA HIDUP IMPIAN PENUH KEHIJAUAN
Stramax Residences - menawarkan gaya kehidupan yang anda idamankan dengan persekitaran penuh kehijauan dan aman, diserikan dengan rimbunan pepohon, udara pagi yang nyaman dan suasana gemersik alam semula jadi yang mengasyikkan.

Terletak di lokasi ideal dan eksklusif
Stramax Residences terletak di skim perumahan Desaria, Sungai Ara, Pulau Pinang. Ianya berhampiran dengan Zon Perindustrian Bebas, Jambatan Pertama dan Kedua Pulau Pinang.



PEGANGAN BEBAS | Luas binaan dari : 2960 kps

CIRI-CIRI EKSKLUSIF :
- 5 Bilik Tidur + 4 Bilik Air
- Ruang dapur dengan rekaan unik
- Ruang tempat letak kenderaan untuk 2 kereta
- Kehijauan luas dengan taman besar
- Ruang Tamu + Ruang Makan + 2 Ruang Keluarga
- Balkoni + Lanai + Teres
- Sistem keselamatan terunggul
- Rumah kelab lengkap dengan pelbagai kemudahan




IOI PROPERTIES
PALMEX INDUTRIES SDN. BHD. (14144-T)
302-H-1, Jalan Dato Ismail Hashim, Desaria, 11900 Sungai Ara, Penang.
Fax : 04-644 8623 Email : sales@palmex-property.com
04-646 9022
011-3301 7101
www.palmex-property.com
Imbas kod QR untuk maklumat lanjut:

No. Lesen Pemaju : 6237-23/04-2017/01437(L) • Tempoh Sah : 10/04/2016 – 09/04/2017 • No. Permit Iklan dan Jualan : 6237-23/04-2017/01437(P) • Tempoh Sah : 10/04/2016 – 09/04/2017 • Tempoh Pemilikan Tanah : Pegangan Bebas • No. Pelan Bangunan : MPPP/OSC/PB(2586)/10(LB) • Pihak Berkuasa yang Meluluskan : MPPP • Bebanan Tanah : Nil • Jumlah Unit : 107 (85 unit Rumah Teres dan 22 unit Rumah Bandar) • Tarikh Jangka Siap : March 2018 • Harga Jualan : Rumah Teres : RM1,438,800 (Min) - RM1,748,800 (Mak), Rumah Bandar : RM1,523,800 (Min) - RM1,708,800 (Mak) • Diskaun 5% untuk Bumiputra • Semua maklumat terkandung di sini termasuk spesifikasi, pelan, ukuran dan ilustrasi adalah tertakluk pada perubahan tanpa sebarang notis seperti yang dikehendaki oleh pihak berkuasa atau perunding pemaju dan tidak membentuk serta tidak boleh menjadi sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Semua ukuran adalah anggaran dan ilustrasi adalah imaginasi pelukis semata-mata.

# Kg. Permatang Tinggi menang peruntukan Projek Duit Kita, Hak Kita



**STEVEN SIM Chee Keong (dua dari kiri) dan Lee Khai Loon (tengah) bergambar bersama-sama ahli JKKK Kampung Permatang Tinggi pada lawatan mereka ke bilik kawalan CCTV kampung berkenaan di sini baru-baru ini.**

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**MACHANG BUBOK –** Sebanyak 10 unit kamera litar tertutup (CCTV) dengan kos RM13,000 dipasang di seluruh Kampung Permatang Tinggi bagi meningkatkan keselamatan kawasan berkenaan melalui peruntukan di bawah Projek Duit Kita, Hak Kita baru-baru ini.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong berkata, projek anjuran bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubok, Lee Khai Loon berkaitan membolehkan penduduk menentukan sendiri kaedah sesebuah peruntukan sepatutnya dibelanjakan.

"Kampung Permatang Tinggi berjaya memenangi peruntukan daripada Projek Duit Kita, Hak Kita setelah proses pembuangan undi tamat dengan mengalahkan dua lagi kawasan yang dicalonkan.

"Selain pemasangan CCTV, penduduk yang terlibat sendiri turut memilih dua lagi komponen tambahan iaitu, pembinaan pintu gerbang dan pengindahan kawasan perkampungan," jelasnya pada majlis pengumuman inisiatif berkaitan di sini baru-baru ini.

Turut serta, Lee Khai Loon dan dua Ahli Majlis bagi MPSP, Ong Jing Cheng dan Woo Sze Zeng.

Menurut Khai Loon, keseluruhan Projek Duit Kita, Hak Kita yang membabitkan jumlah peruntukan RM100,000 tersebut telah dijalankan hampir dua tahun sejak ia dilancarkan pada Julai 2015.

"Antara proses yang terlibat ialah kaji selidik dan bancian dari rumah ke rumah oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dalam kawasan DUN (Dewan Undangan Negeri) Machang Bubok sebelum dibawa ke perbincangan kumpulan fokus.

"Kemenangan kawasan-kawasan yang dicalonkan akan diundi sendiri oleh para penduduk menggunakan senarai pengundi berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR)," jelasnya.

Tambah Khai Loon, Projek Duit Kita, Hak Kita kemungkinan akan diteruskan sekiranya projek perintis berkaitan berjaya.

Daripada jumlah keseluruhan projek, sebanyak RM50,000 adalah daripada peruntukan Ahli Parlimen Bukit Mertajam (Chee Keong), manakala selebihnya, Khai Loon.

# Syor bina parkir bertingkat Hospital BM dipertimbang, respons Kon Yeow

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**KERAJAAN** Negeri akan mempertimbang semua syor, termasuk projek pembinaan parkir bertingkat di atas sebidang tanah awam terbiar untuk kegunaan pengunjung Hospital Bukit Mertajam (BM) dan Sekolah Menengah Convent BM di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata demikian ketika mengetuai Jelajah Sedia Mendengar Ke Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Berapit baru-baru ini.

"Rumah Rehat DO (Pegawai Daerah) di sini lebih 10 tahun terbiar, dalam tempoh tertentu untuk digunakan tapak di tengah-tengah pusat bandar Pekan BM.

"Jadi, sudah sampai masa Tuan Pegawai Daerah (Zulkifli Long) membentangkan kertas kerja cadangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah bagi mendapatkan arah tuju pihak Kerajaan (Negeri) untuk menggunakan tanah ini bagi tujuan-tujuan terbaik sekali," responsnya kepada pemberita.

Zulkifli memaklumkan bahawa pihaknya sendiri mencadangkan struktur beberapa unit Rumah Rehat DO dipulihara semula untuk kegunaan awam.

Pun begitu, menurut beliau, elok cadangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Lydia Ong Kook Fooi untuk projek pembinaan parkir dan perpustakaan komuniti turut dipertimbangkan juga.

Sebelum itu, Kok Fooi memberitahu, cadangan parkir bertingkat begitu diperlukan memandangkan lambakan pengunjung ke Hospital BM kian meningkat, selain isu cabaran trafik sesak pada waktu puncak di Jalan Kulim - BM di sini.

Ahli Parlimen BM, Steven Sim Chee Keong; Setiausaha Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud; Ahli Majlis MPSP baharu, Joshua Woo Sze Zeng antara pemimpin utama Kerajaan Negeri yang menyertai siri ketujuh program jelajah tersebut sejak hujung tahun lepas.



**CHOW Kon Yeow (depan, tiga dari kiri) menjelaskan kepada wartawan mengenai tujuan Jelajah Sedia Mendengar dianjurkan serta perjalanan program tersebut bertemu penduduk setempat di KADUN Berapit.**



**LYDIA Ong Kok Fooi yang dikenali lantang mengetengahkan hasrat serta keluh kesah rakyat menjelaskan mengenai betapa bahayanya cadangan projek pembanguan pada lereng bukit kepada penduduk setempat di Taman Sentosa di sini.**

### TAMAN SENTOSA

Sebelum itu, jelajah Kon Yeow menerima bantahan daripada beberapa wakil penduduk Taman Sentosa mengenai cadangan dua projek pembangunan di kawasan kaki bukit, yang berisiko mengakibatkan insiden tanah runtuh serta trafik sesak.

Rozali menyatakan bahawa kedua-dua projek pembangunan tersebut telahpun ditolak oleh MPSP, namun pemaju memanjangkannya ke peringkat Lembaga Rayuan.

"MPSP pun masih tertakluk kepada keputusan Lembaga Rayuan, mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga Rayuan nanti boleh membawa kes ini ke Mahkamah Tinggi.

"Keputusan Lembaga Rayuan bukanlah peringkat yang terakhir, ini adalah proses undang-undang yang perlu dihormati oleh semua pihak," ujar Kon Yeow.



**SUASANA astaka dan gerai makan di Pasar Awam Berapit.**

### KAMPUNG BESAR

Menurut Kok Fooi, Jalan Kampung Besar yang menjadi jalan pintas dari Kulim Ke Berapit tidak boleh dinaik taraf kerana status tanahnya masih di bawah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM).

Pun begitu, jelas beliau, KTM secara verbal pernah menyatakan hasrat untuk menyerahkan tanah tersebut kepada Kerajaan Negeri tanpa kos, namun dokumen berwajib masih belum disediakan sepenuhnya oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Pelan PBT (pihak berkuasa tempatan) untuk jalan dua hala yang kita (JKR) hantar tak lengkap lagi.

"Peruntukan tahun ini telahpun diluluskan untuk kerja-kerja mengukur dan mereka bentuk cadangan jalan yang mahu dinaik taraf oleh JKR nanti, kalau ada peruntukan lagi pada tahun akan datang, projek penarafan jalan ini boleh dilakukan," respons wakil JKR, Ayob Atan kepada Kon Yeow.



**WAJAH baharu tandas awam di Pasar Awam Berapit, bersih mencerminkan mutu perkhidmatan kakitangan kontrak MPSP.**



**LYDIA Ong Kok Fooi (berkaca mata) membawa rombongan Chow Kon Yeow melihat sendiri keadaan sistem perparitan lama di belakang Pasar Awam Berapit, yang dilihat tidak mampu lagi menampung limpahan air hujan dari bukit berdekatan di sini.**

### ISU TRAFIK BERBAHAYA

Selepas itu, rombongan Kon Yeow dibawa meninjau keadaan trafik sesak dan berbahaya dari fly-over dekat Tokong Dewa Guan Yin berhampiran BM Plaza.

Tak jauh dari sini, mereka dibawa melihat kesesakan trafik di jalan utama berhadapan Sekolah Persendirian Jit Sin.

Rozali memberitahu Kon Yeow bahawa 50 kilometer sejam (km/j) dari fly-over berkenaan telahpun diwartakan kepada 30 km/j, namun masih belum dikuatkuasakan oleh MPSP lagi.

"Kita akan kaji untuk kosongkan satu atau dua tapak parkir berhampiran pintu masuk ke Sekolah (Persendirian) Jit Sin ini.

"Langkah terbaik adalah melonggarkan penguatkuasaan trafik waktu pelajar-pelajar ke sekolah dan pulang ke rumah, bukan langkah saman yang sebenarnya akan mensesakkan lagi trafik di sini pada waktu puncak," jelas Rozali.

Jelajah Sedia Mendengar Kon Yeow ke-11 yang bermula pada jam 10 pagi turut melawat beberapa lagi kawasan, sebelum tamat kira-kira jam 4 petang.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ramli Omar<br>ramliomar53@gmail.com | 012 - 487 3070 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolpkb@gmail.com | 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>muhasdey@gmail.com | 019 - 437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Fahmi Abu Bakar<br>mudiram@gmail.com | 013 - 488 1601 |
| **SUNGAI DUA**<br>Rosli Hassan<br>rosli1971@yahoo.com | 019 - 410 5990 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Mustafa Kamal Ahmad<br>mustafakamalmkba@gmail.com | 019 - 556 9552 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012 - 594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | 017 - 594 1976 |
| **PULAU BETONG**<br>Mohd Tuah Ismail<br>mtuah17@gmail.com | 019 - 570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017 - 460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 012 - 445 1767 | - Muazah |
| N2 | Bertam | : 012 - 466 9681 | - Fatimah Bakar |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin Tugemin |
| N4 | Permatang Berangan | : 012 - 505 1334 | - Farrah Erika |
| N5 | Sungai Dua | : 016 - 412 8588 | - Zuhair |
| N6 | Telok Air Tawar | : 012 - 475 4326 | - Mohd. Zamri |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 383 9131 | - Sri Sangar |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 0111-508 0215 | - Siti Hajar Abdul Aziz |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | - Benji Ang<br>- Razin |
| N29 | Datok Keramat | : 04 - 226 2464 | - Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 010 - 773 2395 | - Firdaus |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 464 3004 | - Aidi Akhbal |
| N40 | Telok Bahang | : 017 - 413 5695 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 04 - 323 8757<br>016 - 407 6058 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Thomas Loh Wei Pheng | 04-390 6836<br>012 - 409 6836 |
| Woo Sze Zeng (Joshua) | 016 - 557 6672 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Dr Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 04 - 593 5493<br>012 - 507 2229 |
| Fadzil Hj Abdullah | 017 - 343 4464 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 505 7288<br>013 - 430 2096 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Hamizah Abdul Manab | 013 - 591 6344 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Ahmad Azrizal Tahir | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 019 - 541 4818 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | A. Veerasamy | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 012 - 451 5938 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gan Ay Ling | 012 - 401 2265 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Khoo Salma Nasution | 017 - 456 6012 |
| Kumaresan a/l Aramugam | 014 - 945 9621 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Noor Syazwani Md Amin | 014 - 307 7101 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019 - 225 6502 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Januari 2017




28hb - 29hb Januari
***Tahun Baru Cina***


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

# Design Village, outlet beli-belah terbesar di Malaysia kini di Pulau Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI & MOHD ADIL MUHAMAD.**

**DIBUKA** secara rasmi pada 23 November 2016, pusat membeli-belah barangan berjenama dan berkualiti terbesar di Malaysia, *Design Village Penang's Outlet Mall* (Design Village) pastinya menyajikan pelbagai jenama premium antarabangsa dan tempatan yang menarik.

Dirasmikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Design Village bakal menjadi destinasi membeli-belah unggul di Malaysia khususnya bagi wilayah utara Semenanjung Malaysia.

Kedudukannya yang strategik, kira-kira 30 minit perjalanan melalui Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dekat Bayan Lepas dan 45 minit dari Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Design Village tentunya mengujakan sesiapa jua.

Berkeluasan 400,000 kaki persegi (kp), lokasi pelancongan terbaru tersebut mempunyai 150 buah kedai yang terletak di atas 24 ekar tanah taman tropika yang subur.

Antara kedai berjenama premium, *Samsonite, Skechers, Hush Puppies, Cosas United, Aldo, Carlo Rino, Camel Active, Adidas, Hypergear, Converse* dan *Clarks*.

Selain itu, bagi penggemar sukan, ia turut menawarkan pelbagai pilihan melalui pelbagai rangkaian pakaian sukan berjenama hebat antaranya, *Brooks, Italia Sportivo, G2000, Body Glove, Everlast* dan *Al-Ikhsan*.

Pastikan anda tidak terlepas peluang meninjau-ninjau pelbagai barangan berkualiti ditawarkan pada harga yang berpatutan di *Best Value Outlet* atau BVO.

Dan bagi kaki 'shopping', anda boleh mendaftarkan diri menjadi Rakan BVO kerana setiap ringgit yang dibelanjakan, anda akan mendapat mata ganjaran.

## KEMUDAHAN & PERKHIDMATAN

Anda yang berkunjung ke Design Village tidak perlu bimbang soal parkir kerana di sini terdapat banyak ruang parkir iaitu di pintu masuk sebelah Timur dan Barat.

Selain itu, parkir bertingkat turut disediakan termasuk ruangan khas untuk pemandu orang kurang upaya (OKU).

Bagi kaum wanita, Design Village seakan-akan memahami naluri 'membeli-belah' apabila pihak pengurusan turut menyediakan ruangan khas di aras bawah bangunan parkir untuk pemandu wanita.

Manakala bagi pemandu kenderaan elektrik, stesen pengecas khas juga disediakan di bangunan parkir bertingkat.

Selain itu, antara kemudahan yang terdapat di sini adalah ruangan menunggu, ruangan berkumpul, ruangan mengambil dan menurunkan penumpang, hentian bas, hentian teksi, bilik merokok, tandas, ruangan penyimpanan bagasi dan taman permainan kanak-kanak.

Bagi umat Islam, surau turut disediakan berdekatan bangunan parkir bertingkat.

Perkhidmatan seperti '*Lost and Found*', pertolongan cemas, sistem kelui (paging), payung, kerusi roda untuk OKU dan warga emas serta baby stroller turut boleh dinikmati oleh pengunjung secara percuma.

Troli kanak-kanak turut disediakan dengan bayaran RM5 setiap jam.

Ibu-ibu yang ingin menyusukan anak-anak mereka, bilik susu khas yang luas dan selesa turut disediakan.

Perkhidmatan iring atau *security escort service* turut ditawarkan kepada golongan wanita menuju ke ruang parkir.

Pengunjung terutama yang datang bersama-sama sang cilik pasti tidak mahu melepaskan peluang menaiki keretapi mini. Dengan bayaran RM5 satu pusingan, anak-anak anda pasti gembira dan teruja!

Di sini, pengunjung boleh menikmati pelbagai jenis kudap-kudapan, terutamanya ketika hujung minggu. Berdekatan pintu masuk sebelah Timur, deretan *food truck* sedia melayani pengunjung.

Pengunjung juga boleh memilih untuk beristirahat di restoran segera seperti *Wendy's, Starbucks, Coffee Bean & Tea Leaves, Cube Coffee* atau menikmati pelbagai jenis aiskrim di *Baskin Robbins*.

## MESRA KELUARGA & OKU

Design Village bukan sahaja direka untuk memenuhi impian membeli-belah, malah turut menjadi tempat santai untuk mereka yang berkeluarga.

Kemudahan ruangan santai yang disediakan juga mudah diakses oleh OKU.

Malah, ia turut mematuhi pematuhan standard yang membolehkan aksesibiliti golongan terbabit.

## BAGAIMANA UNTUK KE SANA?

Sekiranya anda memandu, anda boleh menggunakan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (dari bahagian pulau) menuju ke susur keluar 2801 atau melalui Lebuhraya Utara Selatan dan keluar melalui susur 157 ke Plaza Tol Batu Kawan



SUASANA pada waktu malam.


KETUA Menteri mencuba kasut di salah sebuah *outlet* selepas majlis pelancarannya 23 November lalu.



LANDSKAP nyaman dan damai di bahagian tengah pusat membeli-belah.

dan seterusnya melalui susur keluar 2801.

Anda juga boleh menggunakan koordinat sistem kedudukan sejagat atau GPS berikut 100.438, 5.247.

Selain memandu, anda boleh memilih untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam atau perkhidmatan bas ulang-alik percuma.

**PERKHIDMATAN BAS ULANG-ALIK PERCUMA**

Bermula seawal 10 pagi, orang ramai khususnya mereka yang menetap di bahagian pulau boleh menggunakan perkhidmatan bas ulang-alik yang disediakan.

Menariknya, perkhidmatan ini adalah percuma. Ya, percuma!

Anda boleh memilih sama ada untuk menunggu di hentian berhadapan G Hotel, Persiaran Gurney atau di hadapan bank CIMB cawangan Prangin Mall, Komtar atau Summerton, Persiaran Bayan Indah berdekatan pusat membeli-belah Queensbay untuk ke Design Village.




PERKHIDMATAN bas ulang-alik percuma.

Berikut adalah jadual perjalanan bagi perkhidmatan bas ulang-alik percuma :

| | G Hotel | CIMB | Summerton | Design Village |
|---|---|---|---|---|
| Trip 1 | 9.30 pagi | 9.45 pagi | 10.15 pagi | 11.00 pagi |
| Trip 2 | 3.30 petang | 3.45 petang | 4.15 petang | 5.00 petang |
| | **Design Village** | **Summerton** | **CIMB** | **G Hotel** |
| Trip 1 | 2.00 petang | 2.45 petang | 3.15 petang | 3.30 petang |
| Trip 2 | 8.00 malam | 8.45 malam | 9.15 malam | 9.30 malam |

Walau bagaimanapun, masa yang dipaparkan adalah bergantung kepada keadaan semasa trafik.

**WAKTU OPERASI**

Beroperasi 365 hari setahun, Design Village mula dibuka pada pukul 10 pagi dan tutup pada pukul 10 malam.

Untuk maklumat lanjut, boleh layari laman sesawang berikut, www.designvillage.today atau melalui Facebook di fb/designvillagepenang dan Instagram, designvillage.penang.

Design Village Penang's Outlet Mall
733, Jalan Barat Cassia 2,
14110, Bandar Cassia, Penang
Malaysia.
Tel: (6)04 – 589 9888
Faks: (6)04 – 589 9168
Emel : sayhello@designvillage.today




**HIASAN di pintu masuk utama Design Village pada sambutan Hari Natal dan Tahun Baru 2017.**




**KERETAPI mini yang menjadi tarikan utama golongan kanak-kanak.**

*(Sambungan di muka 28.)*

# MBPP melantik lebih 30% wanita sebagai ahli majlis!



KETUA Menteri, Lim Guan Eng (ke-7 dari kiri), Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang Datuk Patahiyah Ismail (ke-5 dari kiri), Ahli Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng (ke-6 dari kiri), Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Pinang, Lim Siew Khim (ke-8 dari kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif PWDC Ong Bee Leng (ke-13 dari kiri) bersama dengan semua ahli majlis wanita dari MBPP Gan Ay Ling (dari kiri), Grace Teoh Koon Gee, D. R. Kala, Syerleena Abdul Rashid, Shung Yin Ni, Khoo Salma Nasution, Noor Syazwani Md Amin dan Nur Zarina Zakaria.

**TAHUN** baharu 2017 mendapat permulaan yang memberangsangkan. Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) mengalu-alukan berita baik atas perlantikan ahli majlis untuk kedua-dua Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), di mana ahli majlis wanita telah mencapai peningkatan secara keseluruhannya, daripada 16.7% pada tahun lepas kepada 23%. Ini merupakan peningkatan yang ketara.

MBPP telah melantik lapan ahli majlis wanita daripada 24 ahli majlis MBPP, yang kini telah mencapai lebih daripada 33% perwakilan wanita. Pencapaian ini akan memberi komuniti perwakilan daripada pelbagai latar belakang dan memberi peluang untuk suara mereka didengari. Pada masa kini daripada 48 ahli majli MBPP dan MPSP di negeri Pulau Pinang, 11 perwakilannya adalah terdiri daripada wanita.

PWDC ingin mengucapkan tahniah kepada mereka yang baru dilantik sebagai ahli majlis dan mengucapkan terima kasih kepada pihak berkuasa kerana percayai dalam perwakilan substantif dalam kerajaan tempatan yang semestinya akan membawa banyak kebaikan kepada negeri dan komuniti. PWDC telah bersiap sedia untuk menyokong dan bekerjasama dengan ahli-ahli majlis, baik wanita mahupun lelaki, dalam tempoh perkhidmatan mereka. Kami berharap suara-suara wanita, kanak-kanak dan yang terpinggir di Pulau Pinang dapat didengar dan diwakili.

## Reformasi Pilihan Raya: Perbatasan baharu untuk kesaksamaan gender



JENNIFER Curtin.

**USAHA** Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang, PWDC berkaitan gender dan reformasi pilihan raya berjaya mendapat perhatian ramai di New Zealand. Jennifer Curtin dari Universiti Auckland telah menulis sebuah artikel yang diterbitkan dalam jurnal Persatuan Penyelidikan Politikal New Zealand (NZPSA), Women Talking Politics (WTP) edisi November 2016, berasaskan kertas dan pembentangannya di Persidangan Nasional Gender dan Reformasi Pilihan Raya: Making A Difference anjuran PWDC pada Ogos 2016.

Dalam artikelnya yang bertajuk “Reflecting on Gender and Electoral Reform”, Curtin menyatakan adalah amat jarang wujudnya platform yang “menggabungkan” kesaksamaan gender dan pembaharuan elektoral dalam sejarah. Beliau menekankan bahawa “kajian kes dan perbandingan antara negara tahap agregat secara konsistennya menunjukkan, negara dengan sistem berkadar dan bercampur lebin cenderung dalam mencapai 30% perwakilan wanita sebagai hasil (Castles 1981; Lakeman 1976; Norris 1985; Rule 1994)” tetapi amatlah jarang dalam pemerhatiannya reformasi pilihan raya digunakan sebagai suatu strategi eksplisit untuk mencapai kesaksamaan gender dalam perwakilan politik. Di New Zealand, semasa peralihan kepada sistem baharu, Sistem Bercampur Berkadar Ahli (MMP) telah dirangka dalam skop keterangkuman dan kepelbagaian dalam perwakilan yang lebih luas, tetapi beliau juga menyatakan penyelidikan soal selidik menunjukkan 68% yang mengundi MMP pada tahun 1993 ingin melihat lebih ramai wanita dalam parlimen (Catt, 1997). Walaupun kesaksamaan gender tidak secara eksplisitnya dirangkumi dalam rangka reformasi pilihan raya New Zealand, ramai yang ingin melihat lebih ramai wanita dalam parlimen maka apabila diberi peluang, mereka membuat pilihan tersebut. Ini adalah femomena yang menggalakkan dan kami di PWDC ingin melihat perubahan positif seperti ini di Malaysia.

Curtin juga menyatakan dalam Persidangan di Penang, wanita dari pelbagai parti politik mengakui kepentingannya untuk menggabungkan usaha untuk meningkatkan perwakilan wanita dalam politik dengan agenda kesaksamaan gender yang lebih luas, dengan permintaan untuk pembaharuan gender. Persidangan tersebut telah bersetuju dengan satu set cadangan yang akan diambil kira dan satu alat sokongan praktikal untuk menekankan perubahan yang diperlukan di peringkat tempatan, negeri dan negara melalui pendekatan berbilang serampang dan pelbagai sektor. Antaranya, kuota gender akan disyorkan sebagai satu penyelesaian untuk mengakui dan memberi pendedahan kepada “wanita berkebolehan”, bukan semata-mata “tokenism” seperti yang dikritik.

Curtin mengakhiri artikel beliau dengan ayat pendek dan penting: “New Zealand patut perhati dan belajar.” Pulau Pinang sentiasa bangga untuk memimpin dalam advokasi baru penting ini ke arah kesaksamaan gender dalam membuat keputusan politik melalui reformasi pilihan raya dan langkah-langkah lain.

Tahun ini, PWDC bertujuan untuk meneruskan advokasi dalam kesaksamaan gender dan reformasi pilihan raya di peringkat sub-nasional dan nasional. Memandangkan Pilihan Raya Umum ke-14 yang akan datang, ia adalah masa yang kritikal bagi wanita dan lelaki untuk melaksanakan perubahan dalam memastikan sistem pilihan raya yang lebih inklusif dan adil untuk semua.

## “PROJEK KITA” perintis kejayaan konsep ‘bajet partisipatori’

**PROJEK** Penyertaan Rakyat “Projek Kita” yang telah dimulakan di dua Projek Perumahan Rakyat (PPR) iaitu PPR Jalan Sungai dan PPR Ampangan kini telah sedia untuk direalisasikan. Proses ini bakal membuktikan keberkesanan pendekatan Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB) yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Projek Kita dijadikan contoh dalam memperkenalkan proses ‘Bajet Partisipatori’ yang mana komuniti terutamanya wanita diberikan peluang untuk mengusulkan idea projek dan program yang dapat memberi manfaat kepada komuniti berdasarkan jumlah dana awam yang telah diperuntukkan.

Dua bulan selepas taklimat pertama yang telah dijalankan pada Ogos 2016, penduduk yang berminat telah membuktikan kemampuan mereka dalam membentangkan usul cadangan mereka kepada komuniti dan para juri. Usul cadangan mereka sama ada untuk menjana pendapatan demi kebaikan komuniti atau membina kapasiti komuniti. Sesi pembentangan November 2016 membuktikan kemahiran merancang dan memimpin dalam kalangan komuniti terutamanya wanita dalam melaksanakan lebih banyak program atau projek kemasyarakatan dan pembangunan ekonomi masyarakat setempat.

Sembilan kumpulan yang berjaya memperoleh peruntukan dana daripada 17 jumlah keseluruhan kumpulan untuk pelaksanaan projek. Satu majlis telah diadakan untuk menyampaikan cek kepada penerima dana. Para penerima dana akan mula dengan pelaksanaan projek bawah pemantauan PWDC. Semua kumpulan dikehendaki menghantar laporan kewangan, kemajuan dan penilaian projek pada tempoh enam bulan yang telah ditetapkan PWDC.

Inisiatif ini dijangka akan membuktikan keberkesanannya pada Jun 2017. Dalam proses pemantauan, PWDC akan menentukan jurang untuk pembinaan kapasiti supaya projek-projek ini dijalankan dengan jayanya.



WAKIL salah satu kumpulan sedang menandatangani perjanjian pada Sesi Penyerahan Cek kepada penerima dana dari PPR Jalan Sungai dan PPR Ampangan bersama Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Leng pada 13 Disember 2016 sambil disaksikan oleh (dari kiri) Pengarah PWDC, Datin Rohana Abd Ghani; Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail; EXCO Wanita merangkap Pengerusi PWDC, Chong Eng; YDP MPSP, Dato' Maimunah Mohd Sharif; ADUN Penanti merangkap Ahli Pengarah PWDC, Norlela Ariffin; dan Ahli Majlis MBPP, Nur Zarina Zakaria.

villa PRIMERO PHASE 2
GATED & GUARDED COMMUNITY
SEBERANG JAYA , PENANG

Kejiranan Pilihan
Terinspirasi oleh gaya, elegan dan rekabentuk untuk hidup selesa, memiliki sebuah rumah di Villa Primero adalah keseronokan sendiri.

✓ Berdekatan dengan Lebuhraya Utara-Selatan serta Lebuhraya Butterworth - Kulim
✓ Berhampiran dengan pasar raya besar seperti : Aeon Big, Tesco Extra & Sunway Carnival Mall
✓ KOMUNITI BERPAGAR & 24 JAM SEKURITI

5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA
PEGANGAN BEBAS





| Baki 10 yunit | Baki 6 yunit | Baki 1 yunit | Baki 2 yunit |
|---|---|---|---|
| Rumah Berkembar 2-Tingkat | Rumah Teres 2-Tingkat | Rumah Bungalow - A 2-Tingkat | Rumah Bungalow - B 2-Tingkat |
| Luas Binaan : 2,647 kp. | Luas Binaan : 1,775 kp. | Luas Binaan : 4,640 kp. | Luas Binaan : 3,735 kp. |
| Luas Tanah : 2,777 kp. (min) 4,407 kp. (mak) | Luas Tanah : 1,442 kp. (min) 2,831 kp. (mak) | Luas Tanah : 9,396 kp. (min) 9,666 kp. (mak) | Luas Tanah : 5,705 kp. (min) 6,770 kp. (mak) |
| Harga Minima - RM 1,136,000 | Harga Minima - RM 728,000 | Harga Minima - RM 2,607,000 | Harga Minima - RM 1,859,000 |
| Harga Maksima - RM 1,301,000 | Harga Maksima - RM 924,000 | Harga Maksima - RM 2,642,000 | Harga Maksima - RM 1,997,000 |




Pembeli - pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:
Bahagian Perumahan,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Paras 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang
Tel: 04-6505 242 Fax: 04-2622 904

+604 - 324 8052
012 - 427 5677
011 - 2002 5588

Pemaju :
WIJAYA BANDAR BINA SDN. BHD.
400678-K
4695, Jalan Permatang Pauh, 13400 Butterworth, Seberang Perai Utara, Penang, Malaysia.
Fax: 604 - 323 3287
Email: info@metrogroups.com.my

www.metrogroups.com.my

No. Lesen Pemaju : 8509-4/08-2017/02303(L) • Tempoh Sah : 8/8/2016 - 7/8/2017 • No. Permit Iklan dan Jualan : 8509-4/08-2017/02303(P) • Tempoh Sah : 8/8/2016 - 7/8/2017 • No. Kelulusan Pelan Bangunan : Bil. Pelan 1(A-N) dlm MPSP/10/20-34/23 • Pelan Bangunan Diluluskan Oleh : Majlis Bandaran Seberang Perai • Tarikh Jangka Siap : September 2017 • Beban Tanah : AmBank (M) Berhad • Jenis Pegangan Tanah : Pegangan Bebas •

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 9865
Peminjam : YEOH KEAN HAAW - 84041207****
86-B LORONG PERAK
11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : YEOH TEONG HUAT - 54042707****
86-B LORONG PERAK
11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHOONG SIEW HONG - 55121507****
86-B LORONG PERAK
11600 PULAU PINANG

No Akaun : 9867
Peminjam : TAN CHONG HONG - 80121607****
ST. CHRISTOPHER'S INTERNATIONAL PRIMARY SCHOOL, NO. 10 NUNN ROAD
10350 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAM GIM SIAM - 76050607****
11 PERSIARAN MAYANG PASIR 7, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN CHONG HIAN - 82102407****
11 PERSIARAN MAYANG PASIR 7, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG

No Akaun : 9878
Peminjam : PANG CHIEW LING - 81040307****
310-E WEST JELUTONG
11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SOW PICK HONG - 76120107****
NO. 310-E WEST JELUTONG
11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ONG POH IM - 70091107****
48-7-12A TAMAN SERI HIJAU,
JALAN VAN PRAAGH
11600 PULAU PINANG

No Akaun : 9896
Peminjam : GEE WEI LING - 83102107****
83-A BRICK KILN, GEORGETOWN
10300 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SOO LAI FUNG - 56102907****
21-4-15 TAMAN LONE PINE,
11500 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : TEOH KHOO JOO - 56080807****
NO. 19 LORONG TANJUNG 5,
TAMAN MUTIARA TANJUNG
14110 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 9897
Peminjam : SOON KIM LAI - 82051207****
21-4-15 TAMAN LONE PINE,
LEBUHRAYA THIEN TEIK
11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SOO LAI HENG - 50111607****
NO.17 LORONG NIPAH 4, TAMAN LIP SIN,
BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : KHAW KEAN HIN - 65072007****
NO. 93 LORONG BLM 5/1, BANDAR LAGUNA MERBOK 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 9898
Peminjam : KHAIRIZAL BIN MAHMUD BASHA - 82051807****
NO. 59 JALAN MAQBUL, GEORGETOWN
10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NAZIMA VERSAY KUDUS - 70081607****
NO. 2 LORONG PENGKALAN MACHANG 2,
TAMAN PENGKALAN MACHANG
13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH
Penjamin 2 : NARIZA VERSAY KUDUS - 76022807****
NO. 20 JALAN PULAU ANGSA U10/41D, SUNWAY ALAM SURIA, SHAH ALAM 40170 SELANGOR

No Akaun : 9906
Peminjam : MOHD RIZAL BIN ABD HAMID - 72070307****
NO. 12 JALAN ILMU 3, TAMAN ILMU
14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : NOORAZYANY BINTI YAHAYA - 73042102****
NO. 12 JALAN ILMU 3, TAMAN ILMU,
14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : SHUHAIMI BIN ABD HAMID - 69071407****
NO. 6 JALAN PUTERA 1,
TAMAN PUTERA, PARIT BUNTAR
34200 PERAK

No Akaun : 9912
Peminjam : NG GUEK LUAN - 82013007****
NO. 30 PERSIARAN KOTA PERMAI 3, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERJATAM
Penjamin 1 : KHAW HOCK SOON - 79122507****
NO. 7 LORONG TANJUNG AMAN 12, TAMAN TANJUNG AMAN 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : LEAN SIN HOOI - 64082507****
NO. 19 LINTANG KOTA PERMAI 11, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 9922
Peminjam : LIM CHONG LEONG - 84012507****
75-12-25 JALAN PENAWAR 1,
SRI WANGSA 1,
11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOEY FOONG HAR - 78071207****
7D-8-14 , JALAN LEBUHRAYA THEAN TEIK
11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : YEAP HOOI KUAN - 76051307****
362-12-7 GAT MACALLUM STREET
10300 PULAU PINANG

No Akaun : 9931
Peminjam : LOO CHUNG PHENG - 81120707****
5582 TINGKAT BERTAM 2,
13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : LOO CHAN HORNG - 75100607****
978 TINGKAT BERTAM DUA
13200 KEPALA BATAS,
SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : FAM WHAI YEN - 76100313****
LOT 139 NO.42 LORONG 3, JALAN KROKOP,
TAMAN HOOVER 98000 MIRI, SARAWAK

No Akaun : 9943
Peminjam : MUHAMMAD FAIZ BIN ABDULLAH - 83090207****
A-20 TAMAN BELIMBING, JALAN TANJUNG BENDAHARA 05300 ALOR SETAR, KEDAH
Penjamin 1 : NORIZAN BINTI ABDULLAH - 58121702****
F-20 KM 16 JALAN YAN , MUKIM TEBENGAU,
KUALA KEDAH 06600, KEDAH
Penjamin 2 : RIJAL FAHMI BIN ABDULLAH - 79050209****
A-20 TAMAN BELIMBING,
JALAN TANJUNG BENDAHARA
05460 ALOR SETAR, KEDAH

No Akaun : 9948
Peminjam : NG THERNG FEI - 82101707****
NO.70 PERSIARAN KIKIK SATU,
TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
Penjamin 1 : TAN CHOO TEE - (MENINGGAL DUNIA)
222 PERMATANG TENGAH
12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : ANG CHOONG WAN - 54021708****
NO.62 PERSIARAN KIKIK SATU,
TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI

No Akaun : 9951
Peminjam : KHAIROL ASHRAF BIN ABU BAKAR - 85061907****
524 A, KAMPUNG BERAPIT, TIKAM BATU,
SUNGAI PETANI 08600 KEDAH
Penjamin 1 : MOHD FOAT BIN OSMAN - 67022707****
NO. 150 LORONG 1/3A , TAMAN SEMARAK, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2 : MOHD RIZAL BIN ABU BAKAR - 79051807****
NO. 657 C, LORONG ASTANA 11/2, BANDAR SERI ASTANA
08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 9932
Peminjam : AZRUL IZWAN BIN MOHD FAUZI - 81020407****
203B PALMA PERAK, JALAN CECAWI 6/6, SEKSYEN 6, KOTA DAMANSARA
47810 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 1 : MOHD SALMIZAM BIN MD NOOR - 78051407****
932 JALAN PERMATANG BENDAHARI 13100 PENAGA,
SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : NORZARINA BINTI ABU HASAN - 61022207****
7-16-12 PANGSAPURI PELANGI, LINTANG MACALLUM 2, 10300 PULAU PINANG

# Paramit kukuhkan pelaburan negeri, buka ‘industri dalam rimba’ 16 juta Dolar AS

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BUKIT TAMBUN -** Bagaikan makmal perubatan dalam hutan rimba, bangunan baharu industri pembuatan peranti perubatan, Paramit Malaysia Sdn. Bhd. (Paramit) yang secara rasmi dibuka baru-baru ini, dengan kos pembangunan pelaburan awal sejumlah USD$16 juta.



**SALAH satu bahagian rehat dengan iklim nyaman dijana melalui hidupan tumbuh-tumbuhan, bukan pendingin hawa.**

Ketika berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu bahawa syarikat berpengkalan di Amerika Syarikat (AS) tersebut sebenarnya sejak lima tahun lepas melabur kira-kira USD$40 juta, dengan nilai eksport bagi rancangan pembangunan jangka panjang sejumlah 250 juta AS Dolar.

“Paramit mahu memanfaatkan pertumbuhan dua kali ganda hasil eksport alat peranti perubatan yang diperbuat di Malaysia pada tahun lepas, bernilai dalam lingkungan RM17.8 bilion.

“Operasi Piramit di Pulau Pinang diharap akan menonjolkan lagi potensi Malaysia dalam peta pelaburan dunia, bagi bidang ujian genetik dan molekul, pembedahan robotik serta perawatan sakit barah.

“Ini adalah kilang dalam hutan yang paling hijau di Malaysia...pastinya suatu penghargaan kepada Amerika Syarikat (AS) kerana syarikat ini terus mengekalkan pelaburan di negeri ini,” ujarnya pada Majlis Perasmian Pembukaan Industri Paramit dekat Taman Perindustrian Bukit Minyak, Batu Kawan di sini.

Turut berucap, Ketua Pegawai Eksekutif Paramit Corporation, Billoo Rataul dan Ahli Lembaga firma itu, Carl Chun.

Hadir sama, Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani, Edgard D. Kagan (Timbalan Ketua Duta Amerika Syarikat Ke Kuala Lumpur), Dato’ Maimunah Mohd. Shariff (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP), Dato’ Seri Lee Kah Choon (Penasihat Khas Ekonomi Kepada Ketua Menteri di InvestPenang), Azhana Mohamed Saleh (Pengarah Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia, MIDA), Datuk Dr. Ooi Eng Hock (Persekutuan Pengusaha-Pengusaha Kilang Malaysia, FMM) dan beberapa tetamu kenamaan lain.

Menurut Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam, dalam tempoh lapan tahun antara 2008 hingga 2015, **Pulau Pinang mencatatkan pelaburan sebanyak RM55 bilion, dengan meningkat 90 peratus berbanding RM29 bilion yang diraih dalam tempoh sama tempoh sebelum itu mulai 2000 hingga 2007.**

**Daripada angka RM55 bilion itu, beliau menyatakan bahawa RM13.7 bilion atau 25 peratus adalah daripada pelabur AS, sekaligus menjadikan negara tersebut sebagai penyumbang pelaburan langsung asing (FDI) terbesar ke negeri ini.**

**“Meskipun persekitaran ekonomi global yang mencabar, Pulau Pinang telah mencatatkan pelaburan yang kukuh lebih daripada lapan tahun lepas.**

**“Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2016, AS adalah yang ketiga terbesar penyumbang pembuatan FDI ke Pulau Pinang, dengan FDI berjumlah RM390. 3juta,”** jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Difahamkan, Paramit Corporation diasaskan oleh Billoo Rataul pada tahun 1988 di Morgan Hill, California dekat Selatan Silicon Valley Amerika Syarikat.

Kini, Billoo Rataul mengembangkan ‘industri dalam rimba’ pertama di Pulau Pinang dengan barisan pemaju industri berpengalaman dalam bidang industri persekitaran antarabangsa dari Belgium, Amerika Syarikat, Mexico, Hong Kong, Austria, Perancis dan Jerman.

Di ‘industri dalam rimba’ Piramit ini terdiri oleh 1,500 anak pokok pelbagai jenis yang mengindahkan serta menyamankan udara persekitaran luar dan dalam bangunan kilang di sini.



**RUANG kerja yang selesa.**



**KETUA Menteri merakamkan gambar kenangan bersama-sama Billoo Rataul (kanan sekali) ketika mengadakan lawatan ke bangunan Piramit pada majlis pembukaannya dekat Taman Perindustrian Bukit Minyak, Batu Kawan di sini baru-baru ini.**




# MPSP fokus satukan masyarakat melalui karnival kitar semula



SHARULNIZAD Abd. Razak (lima dari kanan) sambil ditemani barisan Ahli Majlis MPSP menunjukkan barangan kitar semula yang berjaya dikumpul pada penganjuran Karnival Jom Kitar Semula Bandar Tasek Mutiara Fasa 1 di sini baru-baru ini.




Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TAMBUN –** Penganjuran Karnival Jom Kitar Semula merupakan medium berkuasa dalam menyatukan masyarakat tanpa mengira latar belakang di negeri ini ke arah membentuk Pulau Pinang yang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat.

Pengarah Perbendaharaan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sharulnizad Abd. Razak yang mewakili Yang di-Pertua MPSP ketika merasmikan Karnival Jom Kitar Semula Bandar Tasek Mutiara Fasa 1 berkata, penyertaan menggalakkan daripada golongan masyarakat merupakan petanda positif serta bukti sokongan terhadap program anjuran MPSP.

"Kita semua sebenarnya mempunyai peranan dalam membudayakan amalan kitar semula dalam kehidupan seharian yang secara tidak langsung, gabungan ciri-ciri ini akan mencorakkan personaliti terbaik.

"Sambutan dan sokongan terhadap program yang dianjurkan dapat mendorong MPSP untuk terus menganjurkan program-program kitar semula yang memberi manfaat kepada semua pihak," katanya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Balai Polis Bandar Tasek Mutiara, Sarjan Mejar Sanusi Saad, Tan Chor Soon (Pengerusi Persatuan Penduduk Kepala Gajah) serta dua Ahli Majlis bagi MPSP, Dr. Tiun Ling Ta dan Heng Yeh Shiuan.

Tambah Sharulnizad, penganjuran berkaitan telah berjaya menarik penglibatan seramai 150 penduduk untuk bersama-sama menjaga alam sekitar dengan inisiatif mengitar semula.

"Selaras dengan seruan Kerajaan Negeri untuk membentuk Pulau Pinang yang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat, komuniti di sini telah mendirikan pusat kitar semula dan melaksanakan Kempen Jom Kitar Semula.

"Pada hari ini sahaja, kita telah berjaya mengumpul bahan-bahan kitar semula daripada 150 penduduk di sini dan berharap penyertaan akan meningkat pada masa akan datang," jelasnya.

Pameran kitar semula, bengkel pengasingan sisa, pengkomposan dan tanaman sayur turut didedahkan pada penganjuran berkaitan, malah, para penduduk juga disyaratkan supaya membawa dua jenis barang untuk dikitar semula bagi membolehkan mereka memenangi hadiah pertandingan yang ditawarkan.

# JK Kg. Melayu A juara sepak takraw piala ADUN Air Itam

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**AIR ITAM –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai menzahirkan keazaman untuk terus membangunkan perkembangan sukan di negeri ini selaras dengan visi Kerajaan Negeri bagi melahirkan rakyat yang sihat, cergas serta berfikiran positif.

Hon Wai berkata, sekiranya sukan diberi perhatian sewajarnya, ia bukan sahaja mampu melahirkan rakyat yang sihat, bahkan negeri lebih harmoni melalui jalinan silaturahim erat tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik.

"Kerajaan Negeri sememangnya mementingkan pembangunan sukan terhadap semua golongan, iaitu semuda usia kanak-kanak, belia hinggalah golongan veteran.

"Namun, untuk menjayakan visi ini, kita (Kerajaan Negeri) memerlukan kerjasama dan penglibatan daripada semua pihak, dari peringkat atasan hingga ke Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) untuk menggerakkan komuniti setempat," ujarnya pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Sepak Takraw Terbuka Piala YB Wong Hon Wai dekat Kampung Melayu di sini baru-baru ini.

Turut sama, Pegawai Daerah Timur Laut (DTL), Jusni Ismail, Mohamed Yusoff Mohamed Noor (mantan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP), Aziz Bukhari (Ketua Biro Sukan JKKK Kampung Melayu) dan Zainuddin Zainul Abidin (Pengarah Syarikat Auralife) selaku penaja.

Menurut Hon Wai, bagi menaikkan imej sukan sepak takraw di kawasan Air Itam khasnya, beliau melalui peruntukannya kini sedang giat menaik taraf beberapa gelanggang (sepak takraw) supaya boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat.

Mengulas mengenai pertandingan berkaitan, beliau memberitahu, sebanyak 72 pasukan dari dalam dan luar Pulau Pinang telah mengambil bahagian.

"Jaguh Kampung (JK) Kampung Melayu A muncul juara dan membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000, piala pusingan, piala iringan dan medal.

"Tempat kedua dinobatkan kepada JK Kampung Melayu D dengan hadiah wang tunai RM1,000, piala pusingan, piala iringan dan medal. Ketiga, Pasukan Mahsuri A (RM500).

"Bagi kategori veteran, pasukan ISTC muncul juara dan membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000, piala pusingan, piala iringan dan medal," jelas Hon Wai.



WONG Hon Wai (berdiri, tiga dari kanan), Mohamed Yusoff Mohamed Noor (berdiri, empat dari kanan) dan Aziz Bukhari (berbaju putih) merakamkan gambar kenangan bersama-sama pasukan JK Kampung Melayu D yang muncul sebagai naib johan Pertandingan Sepak Takraw Terbuka Piala YB Wong Hon Wai di sini baru-baru ini.

## *Ride For Compassion*, berkayuh sambil beramal



CHONG Eng (berdiri di atas kereta, kanan sekali) bersama-sama beberapa dif-dif kehormat mengibarkan bendera masing-masing sebagai simbolik pelepasan peserta *Ride For Compassion* di sini baru-baru ini.

**PADANG LALANG –** Seramai 531 peserta mengambil bahagian dalam acara kayuhan amal, *Ride For Compassion Cyclothon* anjuran KT Cyclone Sdn. Bhd. (KT Cyclone) dengan kerjasama Kerajaan Negeri bagi mengumpul dana untuk disumbangkan kepada badan-badan kebajikan terpilih.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng semasa hadir pada upacara pelepasan peserta berkata, Kerajaan Negeri sentiasa menyokong penuh usaha sebegini bagi membantu mereka yang serba kekurangan.

"Lebih-lebih lagi kayuhan amal ini adalah bersandarkan kasih-sayang bagi memenuhi tiga keperluan utama manusia iaitu makanan, tempat berteduh dan pakaian, malah secara peribadi saya ingin menambah lagi satu keperluan yang penting dalam kehidupan kini iaitu perubatan.

"Adalah amat menyedihkan kerana pada masa kini masih terdapat mereka yang kelaparan serta tiada tempat berteduh, dan seterusnya dipinggirkan masyarakat," katanya di perkarangan Kompleks Sukan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengarah Eksekutif KT Cyclone, Maverick Choo. KT Cyclone merupakan syarikat menjual basikal, peralatan serta kelengkapan ia.

Mengulas lanjut, Chong Eng memberitahu bahawa beliau dan para peserta serta ahli jawatankuasa penganjur berdiri di atas platform sama untuk membantu golongan serba kekurangan dengan mewujudkan kesedaran perlu.

Pada acara tersebut, Chong Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang turut menyampaikan sumbangan RM1,500 daripada Kerajaan Negeri kepada pihak penganjur.

Difahamkan, yuran pendaftaran bagi acara kayuhan 25 kilometer dan 32 kilometer itu turut disalurkan terus kepada dana badan-badan kebajikan terpilih.

# City Walk tarik 5,000 penyertaan

**GEORGE TOWN –** Acara berjalan kaki santai, *City Walk 2017* (City Walk) yang diadakan pada 1 Januari lalu mendapat sambutan kira-kira 5,000 peserta dari dalam dan luar negara.

Pelepasan para peserta tepat pada jam 7.30 pagi di Lebuh Pantai di sini disempurnakan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon yang mewakili Ketua Menteri.

Mohd. Rashid dalam ucapan ringkasnya berkata, jumlah penyertaan City Walk yang diterima saban tahun membuktikan sokongan padu masyarakat terhadap program berkenaan.

"Acara-acara seumpama ini sememangnya dekat di hati masyarakat Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri.

"Kita bukan sahaja dapat beriadah secara sihat dan meluangkan masa berkualiti bersama keluarga dan kawan-kawan, malah juga menikmati keindahan serta keunikan bandar raya George Town yang kini semakin terkenal selepas pemerintahan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH)," ujarnya yang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak di sini baru-baru ini.

Program anjuran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tersebut berlangsung seawal 6.30 pagi dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk acara cabutan bertuah.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Ir. Yew Tung Seang (Setiausaha Bandaraya MBPP) dan Ahli-ahli Majlis MBPP.



(Berada di atas pentas, dari kanan), MOHD. Rashid Hasnon, Chow Kon Yeow, Abdul Malik Abul Kassim dan Ar. Yew Tung Seang melepaskan para peserta City Walk di sini baru-baru ini.

# PIA sesak macam 'pasar malam', KM harap Pusat segera pertimbang projek pembesaran

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang berharap Pusat dapat mempertimbangkan segera pelaksanaan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA).

**Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, PIA kini telah mencecah kapasiti maksimum iaitu 6.5 juta penumpang setahun.**

**"PIA perlu diperbesarkan segera bagi memenuhi keperluan pada masa hadapan.**

**"Sekarang inipun ia sudah sesak, saya tidak mahu nanti PIA kelihatan macam 'pasar malam antarabangsa' Pulau Pinang, dan saya harap pihak berkaitan dapat segera memberi kelulusan untuk memperbesarkannya (PIA),"** katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, walaupun sudah banyak permohonan dibuat dan meminta Kementerian Pengangkutan (MOT) untuk mempertimbangkan pembesaran PIA, namun masih belum terima apa-apa jawapan.

"Tahun ini (2017), dijangkakan kemasukan penumpang melalui PIA mencecah 7 juta penumpang iaitu melebihi kapasiti maksimum penumpang 6.5 juta (penumpang) sahaja," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Berdasarkan sumber daripada Malaysia Airports Berhad (MAB), pada 2015, jumlah penumpang adalah 6.25 juta dan meningkat sebanyak 5.93 peratus kepada 6.63 juta penumpang pada 2016 iaitu melepasi kapasiti maksimum semasa 6.5 juta penumpang.

Kali terakhir lapangan terbang itu dinaik taraf adalah pada 2012 dengan kos RM250 juta bagi menambah kemampuannya mengendalikan lima juta penumpang daripada 3.5 juta penumpang sahaja sebelumnya. (Rujuk Lampiran A).

**JADUAL pergerakan penumpang bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 di PIA.**

**LAMPIRAN A.**

**LALU LINTAS PENUMPANG (BERLEPAS & KETIBAAN)**

**Pergerakan Penumpang 2014, 2015, 2016**

| | 2014 | 2015 | 2016 | % Perubahan 2015 v. 2016 |
|---|---|---|---|---|
| Antarabangsa | 2,571,168 | 2,524,449 | 2,810,652 | 11.34% |
| Domestik | 3,468,682 | 3,734,307 | 3,819,540 | 2.28% |
| Total | 6,039,850 | 6,258,756 | 6,630,192 | 5.93% |




**Sumber: Malaysian Airports Berhad (Kemas kini 11 Januari 2017)**
***Preliminary Dec 2016 Results**

Penang GLOBAL TOURISM








Show House Available for Viewing
Open daily from 9am - 5pm (Monday to Saturday); 11am - 5pm (Sunday and Public Holiday)
2 Storey Semi-Deatached - Land area 3,000 to 4,200 sq ft; Built-up 3,000 to 3,300 sq ft
3 Storey Bungalow - Land area 4,000 to 7,00 sq ft; Built-up 3,200 to 3,500 sq ft

BOTANICA.CT BALIK PULAU, PENANG +604-8662399 www.botanica-ct.com.my
Prince of Wales Island International School +604-868 9999 www.powiis.edu.my

A Member of MTT Group | MTT Properties & Development Sdn Bhd (691685-V) | Sales Gallery, No 8 & 10, Jalan Sungai Air Putih, Bandar Baru Air Putih, Balik Pulau, 11000 Penang, Malaysia T: +604-8662399 F: +604-8665388 E: botanica.ct@mtt-priority.com.my
Developer License No: 9995-3/04-2015/01681(L), Validity Period: 28/04/2014-27/04/2015; Advertising & Sales Permit No: 9995-3/04-2015/01681(P), Validity Period: 28/04/2014-27/04/2015; Developer : MTT Properties & Development Sdn Bhd: Land Tenure: Freehold; Expected Date Of Completion: March 2015;
No. of units: 2-storey terrace – 32; 3 storey terrace - 31; Land Encumbrances: Affin Bank Berhad; Minimum Price: RM569,969; Maximum Price: RM1,600,000; Approving Authority: MPPP; Approval Plan No: MPPP/OSC/PB(4561)/12(LB); 5% Discount for Bumiputra

# 23 kompleks pasar & makanan bernilai RM35.43 juta dinaik taraf sejak 2009

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** - Sejumlah 24 Kompleks Pasar dan Makanan seluruh negeri Pulau Pinang dinaik taraf dengan kos sebanyak RM35,434,848.66 sejak 2009 sehingga kini termasuk Projek Pengubahsuaian dan Naik Taraf Pasar Chowrasta yang menelan kos RM13, 496,943.66.

**Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf kompleks-kompleks pasar dan makanan seluruh negeri akan dilakukan secara berterusan demi memanfaatkan peniaga-peniaga kecil dan penduduk setempat.**

**"Sejak mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri, Kerajaan Pakatan Harapan bertekad untuk menyediakan kemudahan infrastruktur bertaraf dunia dan pastinya penekanan diberikan terhadap kompleks-kompleks pasar awam serta makanan seluruh negeri.**

**"Malah, saya juga difahamkan bahawa MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) secara berterusan sejak 2009 menaik taraf kompleks-kompleks pasar awam dan makanan yang dilihat mampu memberi nilai tambah kepada peniaga serta masyarakat setempat,**" ucapnya pada Majlis Penyempurnaan Projek Pengubahsuaian dan Naik Taraf Pasar Chowrasta dekat sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, Pasar Chowrasta merupakan antara pasar tertua di Malaysia dan sejak 1961, tiada sebarang inisiatif untuk menaik taraf bangunan yang dipercayai wujud sejak 1890 berkaitan.

"Oleh sebab bangunan ini diabaikan, Kerajaan Negeri hari ini mengambil inisiatif membelanjakan RM13.49 juta untuk mengubah wajah Pasar Chowrasta.



**KETUA Menteri sambil ditemani Chow Kon Yeow (dua dari kiri) dan Abdul Malik Abul Kassim (kiri sekali) terpegun melihat saiz ikan yang dijual di Kompleks Pasar dan Makanan Chowrasta ketika mengadakan lawatan bersempena majlis penyempurnaan projek pengubahsuaian dan naik taraf lokasi berkaitan di sini baru-baru ini.**

"Kini, Pasar Chowrasta bukan sahaja kompleks pasar dan makanan yang utama dan besar, malah turut menepati ciri-ciri hijau kerana telah berjaya memperoleh pengiktirafan *Green Building Index* (GBI) Rated.

"(Dan) pastinya sebagai ikon '*Central Business District*' di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, saya berharap ia dapat mengekalkan kebersihannya," ujarnya yang turut menyeru agar para peniaga di Kompleks Pasar dan Makanan Chowrasta sentiasa menitikberatkan soal kebersihan dan menjaga kemudahan yang disediakan di sini.

Turut berucap, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail.

Dalam pada itu, Guan Eng turut dibawa melawat setiap gerai jualan di kompleks tersebut.

Juga mengiringi beliau, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang; Ahli Parlimen Tanjong, Ng Wei Aik dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng.

Turut serta, Setiausaha Bandaraya, Ar. Yew Tung Seang, barisan Ahli-ahli Majlis bagi MBPP, Ketua-ketua Jabatan MBPP dan Pengerusi Persatuan Penjaja Pasar Chowrasta (CMTA), Mohamed Nasir Mohideen.

Kompleks Pasar dan Makanan Chowrasta kini mempunyai 240 gerai di bahagian luar pasar, gerai barangan am (81) dan gerai makanan dan minuman (18).

Selain itu, ia turut mempunyai kemudahan parkir bertingkat, tandas, surau, tangga bergerak (escalator), ruang rehat dan dewan.

## Jersi baharu Pulau Pinang harungi Liga Super 2017 dilancar

**DATUK KERAMAT** - Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini melancarkan jersi baharu Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang berjenama *Legea* dari Itali, bagi mengharungi saingan Liga Super 2017.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Presiden Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Dato' Seri Nazir Ariff Munshir Ariff; Pengurus Persatuan Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Zairil Khir Johari yang juga Ahli Parlimen Bukit Bendera serta Pengarah Urusan *Legea* Ke Asia Tengah, Azman Mohd.

Azman ketika ditemui berkata, Pulau Pinang dipilih untuk ditaja oleh *Legea* berdasarkan faktor sejarah kehebatan bola sepak negeri ini.

Manakala, Nazir Ariff pula menyatakan bahawa jenama tersebut diterima berdasarkan pakej yang dikemukakan adalah lebih baik berbanding jenama-jenama lain.



**REKA bentuk jersi baharu pasukan Bola Sepak Pulau Pinang yang diperagakan pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**



# Atendan parkir haram, umum dinasihat lapor pihak berkaitan




RUPA bentuk papan tanda yang membawa mesej 'Banteras atendan haram' yang diletakkan di lokasi-lokasi tertentu sekitar sini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Hasil kerjasama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 60 tangkapan membabitkan atendan parkir haram direkodkan pada tempoh Januari hingga November 2016.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 38 laporan polis turut dibuat oleh orang awam bersabit perkara tersebut.

**"Saya nasihatkan agar orang awam segera melaporkan kepada pihak polis jika terjumpa atendan parkir haram.**

**"Anda boleh hubungi 04 – 218 1881 sambungan terus ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut atau 04 – 263 7000 talian terus MBPP**," jelas Ahli Majlis bagi MBPP, Ahmad Azrizal Tahir pada sidang media berkenaan atendan parkir haram dekat Pejabat Jabatan Penguatkuasa MBPP, Jalan Timah di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi MBPP; Gooi Seong Kin, Joseph Ng Soon Siang, Mohamed Yusoff Mohamed Noor, Nur Zarina Zakaria, Grace Teoh Koon Gee, Ahmad Razaaim Azimi, Saiful Azwan Abd. Malik dan Pengarah Jabatan Penguatkuasa MBPP, Mohd. Feroze Md. Noor.

Menurut Ahmad Azrizal, selain aduan orang ramai, MBPP juga giat menjalankan rondaan bagi mencegah aktiviti berkaitan di 18 kawasan 'panas', selain inisiatif pemasangan papan-papan tanda berkaitan.

"Mulai tahun ini, MBPP akan selaraskan bayaran parkir bagi mengelakkan kekeliruan orang ramai... ini termasuk memperbanyakkan lagi papan tanda amaran aktiviti atendan parkir haram.

"Malah, MBPP dalam pada itu turut menjalankan operasi bersepadu bersama PDRM, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam membendung aktiviti ini," ujarnya.

## Ralat Pengarang

**PIHAK** pengarang memohon maaf di atas siaran beberapa maklumat di dalam artikel bertajuk, Lydia Ong tak kisah dikenali 'YB lantang' yang dicetak pada edisi 16 - 31 Disember 2016, muka surat 14.

Perenggan 13 sepatutnya berbunyi:

Saban tahun kata Lydia Ong, beliau mendapat peruntukan sejumlah RM300,000 yang mana RM180,000 adalah untuk infrastruktur dan RM120,000 (bekalan). Peruntukan geran tunai pula adalah sejumlah RM200,000 setahun.

Perenggan 14:

Pusat Khidmat ADUN berapit bertempat di Taman Tampoi, Kampung Baru dan bukannya di Pusat Perniagaan Alma sebagaimana dinyatakan. Segala kesulitan adalah amat dikesali.

• Perlukan ..... Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA CAGARAN & PENJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG

SYARAT KELAYAKAN
• Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
• Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN

HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

# MPSP garis 9 fokus utama penuhi keperluan warga Seberang Perai 2017

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menggariskan sembilan fokus utama yang perlu diberi perhatian bagi memenuhi keperluan dan kehendak warga Seberang Perai sepanjang 2017.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, sembilan fokus tersebut merangkumi kebersihan, keselamatan dan lalu lintas, penguatkuasaan, kawalan banjir, pengindahan, kehijauan dan kemudahan awam, penglibatan komuniti, pembinaan kapasiti, pengukuhan fiskal serta kecekapan proses kerja.

"MPSP mempunyai sembilan fokus utama yang telah digubal bersama Ahli-ahli Majlis dan melalui penglibatan komuniti pada sesi Bajet Dialog yang diadakan pada akhir tahun 2016.

"Kita (MPSP) sedar pada tahun ini (2017), Majlis (MPSP) akan berdepan dengan pelbagai cabaran seperti persekitaran ekonomi, sosial dan pembangunan yang semakin mencabar.

"Justeru, Majlis (MPSP) membuat perancangan teliti agar program dan segala aktiviti yang direncanakan dapat memenuhi kehendak semua," ucapnya pada Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Jawatan Ahli-ahli Majlis MPSP di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan Majlis Pelancaran Buku 9 Fokus MPSP 2017, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), barisan Exco Kerajaan Negeri dan Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri).



**KETUA Menteri, Law Choo Kiang (barisan depan, tiga dari kiri), barisan Exco Kerajaan Negeri dan Maimunah Mohd. Shariff menunjukkan salinan buku Fokus MPSP 2017 pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

Jelas Maimunah, Fokus MPSP 2017 merupakan kesinambungan daripada Fokus MPSP tahun lalu (2016).

"Sebanyak 97 program, 151 aktiviti dan 155 KPI (*key performance indicator*) telah dirangka untuk dilaksanakan pada tahun ini," jelasnya.

Serentak itu, pada majlis sama, MPSP turut melancarkan *Mobile Apps MPSP*.

Menurut Maimunah, usaha menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah kawasan yang selamat, pintar, berdaya tahan, inklusif dan mampan merupakan sasaran utama MPSP pada 2017 melalui peningkatan sistem ICT dan *Big Data Analysis (BDA)*.

"*Mobile Apps MPSP* ini direka bentuk secara *in-house* mengikut keperluan Majlis dan berdasarkan maklum balas orang ramai bagi memudahkan umum berurusan dengan kita (MPSP)," ujarnya.

Aplikasi berkaitan boleh dimuat turun melalui aplikasi *App Store* dan *Play Store*.

## Soal Selidik Bajet 2018, MPSP sasar 9,000 responden

**SEBERANG JAYA -** Soal Selidik Bajet 2018 Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mulai 1 Januari hingga 28 Februari tahun ini mensasarkan 1 peratus daripada kira-kira 900,000 populasi penduduk Seberang Perai.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, pihaknya yakin mendapat antara 8,000 hingga 9,000 responden dalam kaji selidik pada kali ini, yang dilaksanakan secara atas talian dan menggunakan borang.

**"Walaupun mungkin terdapat pihak mempersoalkan akan Bajet 2017 PBT (pihak berkuasa tempatan) pun masih belum dilaksanakan lagi, mengapa perlu dilaksanakan Soal Selidik Bajet 2018?**

**"Kita (MPSP) fikir ke depan, kita nak berikan kepada penduduk-penduduk serta pembayar cukai kuasa pelanggan mengenai perkhidmatan yang kita (MPSP) kerjakan, tentang apa yang mereka nak kita (MPSP) buat.**

"Berdasarkan jumlah responden bagi kaji selidik 2016, adalah membabitkan sejumlah 3,312 orang dan kaji selidik 2017 (4,278). Justeru, dalam Soal Selidik Bajet 2018, MPSP mensasarkan sekurang-kurangnya satu peratus daripada populasi penduduk Seberang Perai.

"Kalau kita (MPSP) dapat lebih 9,000 responden pada kali ini, itu lebih baik," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Akhir 2016 di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perdana di sini baru-baru ini.

Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud serta barisan Ahli Majlis turut sertai sidang media tersebut.




**MAIMUNAH Mohd. Sharif (tengah, bertudung ungu) bersama-sama barisan Ahli Majlis MPSP menunjukkan hadiah-hadiah yang bakal dimenangi pemenang bertuah pembayar cukai pintu bagi tahun 2017 pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Penuh Akhir 2016 di sini baru-baru ini.**

Maimunah memberitahu, protokol soal selidik terbaru turut disediakan dalam empat bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Inggeris, Cina dan Tamil.

"Sejak soal selidik ini dilaksanakan pada tahun 2012, fokus keutamaan masih tidak berubah, yang paling tinggi Fokus Kebersihan, tetapi peratusan maklum balas responden telah menurun.

"Ini menunjukkan responden dan para pembayar cukai kita masih melihat aspek kebersihan, tetapi yang lain juga perlu disemak semula secara bersama.

"Kita sedang mempertimbangkan untuk memasukkan aspek pelancongan atau eco-pelancongan sebagai fokus keutamaan yang baharu, bagi mendapatkan maklum balas pelanggan," jelasnya.

Tujuh fokus Keutamaan dalam borang Soal Selidik Bajet 2018 MPSP adalah meliputi aspek Kebersihan, Infrastruktur & Kemudahan Awam MPSP, Keselamatan & Lalulintas, Kawalan Banjir, Penginapan & Kehijauan, Penglibatan Komuniti dan Penguatkuasaan Undang-Undang.

## Larian Menara MPSP, acara tahunan dalam Kalendar Sukan P. Pinang

**SEBERANG JAYA –** Hasrat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menjadikan Larian Menara MPSP sebagai acara tahunan dan dimasukkan dalam Kalendar Sukan Pulau Pinang 2017 tercapai.

Yang di-Pertuanya, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, acara tersebut bakal menjadi acara tahunan mulai 2017 sekaligus mempromosikan Seberang Perai sebagai salah sebuah destinasi pilihan untuk acara sukan.

"Secara tidak langsung, kami di MPSP mendokong hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar raya sukan bertepatan dengan slogan Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

"Serentak itu, saya juga berharap agar dapat diperbanyakkan aktiviti-aktiviti sampingan pada penganjuran Larian Menara MPSP akan datang bagi menarik lebih ramai penyertaan," ucapnya pada Majlis Penyampaian Hadiah Larian Menara MPSP 2016 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran bagi MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan Ahli-ahli Majlis bagi MPSP.

Sungguhpun hujan lebat membasahi Seberang Perai, namun ia tidak mematahkan semangat 350 peserta Larian Menara MPSP 2016




**MOHD. Khir Salleh (kiri sekali) bersama-sama dua pemenang lain bergambar kenangan sejurus tamat majlis penyampaian hadiah Larian Menara MPSP 2016 di sini baru-baru ini.**

untuk menghabiskan larian.

Pada acara tersebut yang berlangsung 11 Disember lalu, sebanyak enam kategori dipertandingkan.

Kategori Terbuka Lelaki dimenangi R. Ruburn Kumar, Mohd. Khir Salleh (Kategori Veteran Lelaki), G. Thinan (Kategori Remaja Lelaki), Teoh Khim Chyi (Kategori Terbuka Wanita), Tan Chin Fon (Kategori Veteran Wanita) dan Thye Jia Wen (Kategori Remaja Wanita).

Pemenang bagi setiap kategori menerima wang tunai RM500, trofi dan sijil penyertaan.

Peserta yang menyertai Larian Menara MPSP perlu berlari sejauh tujuh kilometer sebelum mendaki menara MPSP setinggi 16 tingkat atau 412 anak tangga.

# KN laksana bulan Al-Quran sejak 2009 - ADUN

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**TELUK BAHANG** - Al-Quran merupakan mukjizat paling agung Nabi Muhammad S.A.W yang memberikan pengajaran dan menjadi pegangan umat Islam sehingga ke hari ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, umat Islam tidak seharusnya hanya menjadikan al-Quran sebagai bahan bacaan, sebaliknya sebagai panduan dalam kehidupan.

"Al-Quran ini bukan sekadar untuk dibaca mahupun didengari, tetapi seharusnya difahami, dihayati dan diamalkan segala perintah serta suruhannya yang terkandung.

"Oleh itu, sebagai umat Islam, pentingnya kita mengetahui isi kandungan dan memahaminya... bagaimana untuk memahaminya? Melalui pengajian bahasa Arab.

"Sebab itu jugalah, pada program *Penang Al-Quran in Camp* ini diadakan bagi memasyarakatkan keindahan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran dalam kalangan generasi muda," ucapnya



**ABDUL Malik Abul Kassim (berbaju Melayu hijau lumut) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian jawatan pengelola dan peserta program *Penang Al-Quran in Camp* sejurus majlis perasmiannya di sini baru-baru ini.**

merasmikan program berkaitan di Pusat Latihan Zakat (PULAZA) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang (ZPP), Datuk Dr. Azman Abdul Samat.

Menurut Abdul Malik, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2009 mengambil inisiatif memperkenalkan program bulan-bulan Al-Quran dalam usaha memartabat dan membudayakan Al-Quran dalam kalangan masyarakat Pulau Pinang.

"Setiap tahun, sejak 2009, kita (Kerajaan Negeri) memulakan (program) bulan-bulan Al-Quran selama tiga bulan iaitu Rejab, Syaaban dan Ramadan, yang dibuka untuk umum.

"Kemudiannya, kita (Kerajaan Negeri) memperkenalkan pula Program Celik Al-Quran di sekolah-sekolah di Pulau Pinang.

"(Dan) hari ini, kesinambungan daripada pelbagai program Al-Quran, kita mengadakan kem Al-Quran selama dua hari khusus untuk pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah seluruh negeri Pulau Pinang.

"Alhamdulillah, sambutan amat menggalakkan dan saya berharap agar kem ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam mengenali bahasa Al-Quran," ujarnya.

Dianjurkan buat julung kali, program *Penang Al-Quran in Camp* anjuran Kerajaan Negeri dengan kerjasama ZPP, Akademi Intelektual Muda (AIM) dan Akademi Kumpulan Tenaga Pengajar Bahasa Arab (ALBAB) Pulau Pinang, disertai kira-kira 250 individu terdiri daripada guru-guru sekolah, murid sekolah rendah serta pelajar sekolah menengah seluruh negeri.

Pelbagai pengisian program diadakan antaranya, ceramah oleh beberapa ikon terkenal seperti Ustaz Manis, Tokoh Belia ASEAN 2015, Jufitri Joha dan PU Amin serta jemputan khas dari Jordan, Ustaz Musa. Selain itu, peserta turut dilibatkan dalam program riadah, qiamullail dan kuliah solat fardu.

## Pemeriksaan kesihatan perlu tumpu golongan bersara juga

**GEORGE TOWN** – Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow mahu program pemeriksaan kesihatan anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) lebih memberi tumpuan kepada golongan pekerja dalam usia bersara di negeri ini.

Mengulas lanjut, katanya, langkah tersebut secara tidak langsung mampu memberi kesedaran kepada golongan berkenaan supaya cakna kesihatan masing-masing, sungguhpun dalam kegigihan mencari rezeki untuk menyara keluarga.

"Lebih-lebih lagi melibatkan golongan bersara, tetapi masih perlu menyara keluarga.

"Jika kumpulan usia ini tidak boleh terus bekerja, ia dilihat bakal menjejaskan status usia ekonomi," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota pada Majlis Perasmian Kempen Pemeriksaan Kesihatan dan Program Derma Darah yang diadakan di Flat Jalan Kedah di sini baru-baru ini.



**CHOW Kon Yeow (depan, berkemeja putih) membuat pemeriksaan tekanan darah pada penganjuran Kempen Pemeriksaan Kesihatan dan Program Derma Darah dekat Flat Jalan Kedah di sini baru-baru ini.**

Penghulu Tanjung, Amiruddin Md. Kassim; Pengerusi JKKK Pykett Avenue, Jonny Chee Chong Chew serta panel-panel doktor turut sertai majlis tersebut.

Kira-kira 200 penduduk mengambil bahagian dalam penganjuran berkaitan termasuk pemeriksaan kesihatan seperti tahap tekanan darah, ujian glukos darah, indeks jisim badan dan latihan asas pertolongan cemas secara percuma.

## Sumbangan demi keperluan pembangunan kanak-kanak istimewa

**SUMBANGAN UNTUK GOLONGAN ISTIMEWA...** Exco Perancang Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo baru-baru ini menyumbangkan RM10,000 kepada Wisma Yatim Pulau Pinang demi menampung keperluan pembangunan institusi berkaitan.

Menurut Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, sebelum ini, beliau menerima permohonan daripada Pengerusi Persekutuan Kebajikan Anak-anak Yatim Pulau Pinang, Tan Sri Mohd. Yusoff Latiff bagi menambah jumlah anak-anak yatim di sini.

"Justeru, saya berharap sumbangan ini dapat membantu merealisasikan hasrat ini demi kepentingan golongan kanak-kanak berkaitan," ucapnya pada penganjuran Program Penyampaian Baucar Pakaian Sekolah dekat Wisma Yatim (Perempuan) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Pada majlis berkaitan, seramai 60 pelajar menerima baucar kelengkapan sekolah.

Hadir sama, Setiausaha Wisma Yatim Pulau Pinang, Shaik Mohamed Shaik Abdul Kadir serta pemimpin-pemimpin Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.



**JAGDEEP Singh Deo (tengah, berkaca mata) beramah-mesra dengan kanak-kanak yang menerima sumbangan baucar kelengkapan sekolah hasil sumbangan beliau di sini baru-baru ini.**

# KN tanggung kos baiki lif, Exco seru penduduk jaga kemudahan awam

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**KEBUN BUNGA -** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menyatakan bahawa Kerajaan Negeri bersedia menanggung kos pembaikan berjumlah RM103,880 membabitkan tiga unit lif dekat Blok C, Perumahan Awam Padang Tembak di sini.

Beliau berkata demikian pada sesi lawatan baru-baru ini bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Cheah Kah Peng dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Chris Lee Chun Kit.

"Saya ada berbincang dengan Ketua Menteri baru-baru ini dan Kerajaan Negeri bersetuju menyalurkan dana berkenaan untuk membaiki tiga unit lif Blok C yang terlibat.

"Kerajaan Negeri dan pihak-pihak berkepentingan kini juga dalam rangka siasatan bagi mencari punca kepada permasalahan lif yang berlaku di sini," katanya yang juga ADUN Datuk Keramat pada lawatan berkaitan.

Jagdeep dalam pada itu menyeru supaya penduduk setempat tidak melakukan vandalisme terhadap kemudahan awam yang terdapat di kawasan berkenaan.

"Apabila kemudahan seperti lif dirosakkan, ianya sudah tentu memberi kesusahan kepada penghuni 432 unit rumah di blok ini.

"Ianya bertambah sukar apabila melibatkan warga emas yang perlu mengunakan tangga dalam menjalankan urusan seharian," ujarnya.



**JAGDEEP Singh Deo (kiri) dan Cheah Kah Peng meninjau salah sebuah unit lif yang mengalami kerosakan dekat Blok C, Perumahan Awam Padang Tembak di sini baru-baru ini.**

## Tahun baru, ADUN edar buku laporan diri untuk komuniti nilai

**SEBERANG JAYA -** Menjelang sambutan tahun baru 2017, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin mengedar kira-kira 1,200 buku laporan gerak kerjanya sepanjang tahun lalu serta kalendar 2017 kepada komuniti setempat baru-baru ini.

Bercakap kepada pemberita, beliau berharap komuniti setempat dapat memberi maklum balas lanjut serta menilai mutu perkhidmatannya sebagai wakil rakyat secara objektif.

"Buku laporan ini sangat penting, kerana ianya menunjukkan gerak kerja yang telah saya lakukan di DUN (Dewan Undangan Negeri) Seberang Jaya bersama-sama kakitangan pusat khidmat, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komnuniti (JKKK) serta agensi terlibat.

"Saya yakin dengan buku laporan ini, rakyat boleh menilai impak daripada Kerajaan Pakatan Harpan (PH) yang dipilih menerajui Pulau Pinang dalam menjadikan negeri ini lebih baik setiap tahun," ujarnya yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan kepada pihak media massa yang hadir di sini.

Dalam majlis sama, pasukan Afif turut mengadakan sesi maklum balas serta berswafoto dengan penduduk setempat.



**DR. Afif Bahardin (tengah) menyantuni peniaga dan pengunjung Medan Selera Seberang Jaya ketika mengedar kalendar dan buku laporannya di sini baru-baru ini.**

## Hentian bas papar ceritera sejarah & warisan tempatan siap



**YAP Soo Huey (dua dari kanan) bersama-sama beberapa penduduk di Pulau Tikus memerhatikan salah satu lukisan memaparkan ceritera sejarah dan warisan di salah sebuah perhentian bas di sini baru-baru ini.**

**PULAU TIKUS –** Projek transformasi 10 perhentian bas terpilih di sini yang memaparkan ceritera sejarah dan warisan penduduk tempatan berbilang kaum siap sepenuhnya baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey berkata, setiap satu perhentian bas memaparkan ceritera sesebuah kaum yang diilhamkan mengikut bangsa komuniti setempat.

"Setiap perhentian bas membawa ilustrasi komik menarik mengenai warisan budaya masyarakat di Pulau Tikus antaranya, bangsa Serani (Eurasian), Cina, Melayu, India, Thai dan Myanmar (Burmese)," katanya ketika mengumumkan perkara tersebut dekat sini baru-baru ini.

Diinspirasikan melalui pendekatan '*Connecting with Our Heritage*', Soo Huey menyatakan bahawa inisiatif tersebut merupakan projek komuniti sulung seumpamanya yang diadakan di Pulau Pinang, sejak Februari tahun lalu.

"Matlamatnya adalah untuk memberitahu para pengunjung bahawa Pulau Tikus adalah unik dan mempunyai sejarah serta warisannya tersendiri. Kami berbangga dengan persekitaran dan warisan yang wujud dalam komuniti ini sejak zaman berzaman.

"Inilah yang ingin kami tampilkan, beritahu semua orang, bahawa setiap komuniti mempunyai ceriteranya tersendiri," katanya yang turut mengedarkan risalah khas menceritakan lokasi serta sejarah hentian-hentian bas yang terdapat di sini.

Menariknya, semua hentian bas berkaitan boleh dilawati sama ada dengan berjalan kaki mahupun menggunakan perkhidmatan bas ulang-alik percuma, Pulau Tikus Loop (PTL).

(Liputan di muka 14 & 15)




RUANG masuk utama Design Village.




SUDUT menarik yang mencuri tumpuan lensa Buletin Mutiara.




MEMBELI-belah dengan potongan harga yang amat menarik.




FAKTOR hijau turut diterapkan.



RUANG rehat untuk pengunjung yang penat membeli-belah.